SIRI BIMBINGAN REMAJA ISLAM

AYYUHAL WALAD

WAHAI ANAKKU YANG TERCINTA

Karangan :

AL-IMAM HUJJATUL ISLAM
ABU HAMID MUHAMMAD BIN MUHAMMAD AL-GHAZALI

Terjemahan & Huraian :

SYEIKH AHMAD FAHMI BIN ZAMZAM
(ABU ALI AL-BANJARI AN-NADWI AL-MALIKI)

SIRI BIMBINGAN REMAJA ISLAM I

أيها الولد

AYYUHAL-WALAD

(WAHAI ANAKKU YANG TERCINTA)

Karangan

Al-IMAM HUJJATUL ISLAM ABU HAMID AL-GHAZALI

(450-505H / 1058-1111M)

RAHIMAHULLAHU TAALA

Diterjemahkan oleh

AHMAD FAHMI ZAMZAM

(ABU ALI AL-BANJARI AN-NADWI AL-MALIKI)

HAFIZHAHULLAHU TAALA

أيها الولد

AYYUHAL-WALAD
(WAHAI ANAKKU YANG TERCINTA)

Karangan
Al-IMAM HUJJATUL ISLAM ABU HAMID AL-GHAZALI
(450-505H / 1058-1111M)
RAHIMAHULLAHU TAALA

Diterjemahkan Oleh
AHMAD FAHMI BIN ZAMZAM
(ABU ALI AL-BANJARI AN-NADWI AL-MALIKI)
HAFIZHAHULLAHU TAALA

Penerbit
KHAZANAH BANJARIAH
MAAHAD TARBIAH ISLAMIAH
DERANG 06400, POKOK SENA, KEDAH, MALAYSIA
Email: khazanahbanjariah@gmail.com
Tel: +604-7143712 . Hp:013-4603712 / 013-2291611

EDISI PEMBAHARUAN

CETAKAN KEEMPAT OKT 2018

ISBN: 983-2052-06-8

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين

والصلاة والسلام على

سيدنا وحبيبنا وشفيعنا

محمد

وعلى آله وصحبه أجمعين

ومن تبعهم بإحسان

إلى يوم الدين

TRANSLITERASI DARI ARAB ATAU JAWI KE RUMI

Untuk memudahkan membaca buku *Ayyuhal Walad* ini maka di bawah ini dibuat transliterasi dari tulisan Arab kepada tulisan Rumi, kerana mungkin ada perbezaan dengan kaedah transliterasi lain.

ا	=	a	ط	=	th
ب	=	b	ظ	=	zh
ت	=	t	ع	=	`
ث	=	ts	غ	=	gh
ج	=	j	ف	=	f
ح	=	h	ق	=	q
خ	=	kh	ك	=	k
د	=	d	ل	=	l
ذ	=	dz	م	=	m
ر	=	r	ن	=	n
ز	=	z	و	=	w
س	=	s	ه	=	h
ش	=	sy	ء	=	k
ص	=	sh	ي	=	y
ض	=	dh			

MUQADDIMAH PENTERJEMAH

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين. والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

Alhamdulillah dipanjatkan setinggi-tinggi syukur ke hadhrat Allah taala yang telah memudahkan hamba yang dhaif ini menyelesaikan terjemahan kitab "Ayyuhal-Walad" karangan Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala* yang dinamakan terjemahannya dengan lafazh "WAHAI ANAKKU YANG TERCINTA ! ".

Sebenarnya terjemahan ini bukanlah dirancang lebih awal, tetapi ia terjadi daripada beberapa keadaan yang sangat mendesak sekali.

Begini ceritanya. Pada 19hb Jumadilakhir 1417H bersamaan dengan tanggal 1hb Nopember 1996M penterjemah telah diundang menghadiri Seminar yang ketigabelas yang diselenggarakan oleh رابطة الأدب الإسلامي العالمية (Liga Sastera Islam Sedunia) yang diketuai oleh guru kita yang mulia Samahatus-Syaikh Maulana Abu al-Hasan Ali al-Hasani an-Nadwi (wafat 1999) *rahimahullahu taala* yang diadakan di Madrasah Darul-Ulum Sabilus-Salam, Heyderabad, India dengan judul أدب الوصايا والمواعظ (Sastera Wasiat dan Mau`izhah).

Dan oleh kerana kesibukkan yang sangat banyak penterjemah tidak sempat menyiapkan kertas kerja yang diharapkan walaupun telah ada satu niat untuk menulis kertas kerja yang berjudul:

" أدب المواعظ للإمام الغزالي رحمه الله تعالى من خلال كتابه أيها الولد"

Ertinya: Sastera mau`izhah/nasihat Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala* berdasarkan kepada kitab beliau yang berjudul "Ayyuhal-Walad" (Wahai anakku yang tercinta)".

Dan oleh kerana ada niat untuk menulis kertas kerja itu maka penterjemah pun membawa kitab "Ayyuhal-Walad" tersebut sebagai bahan rujukan dalam perjalanan ke Heyderabad, India.

Dan disebabkan desakan daripada pihak penganjur maka alhamdulillah kertas kerja yang diniatkan itu dapat diselesaikan dan dibentangkan dalam Seminar tersebut.

Ketika kertas kerja itu dibentangkan, nampak jelas kesan dan respon yang sangat baik di kalangan para peserta Seminar, maka terlintaslah di hati penterjemah untuk menterjemahkan kitab ini supaya isi dan kandungannya dapat diketahui dan dibicarakan dalam bentuk yang lebih luas lagi.

Alhamdulillah terjemahan kitab "Ayyuhal-Walad" ini dapat dimulakan di dalam kereta api yang bernama "Hadhrat Nizamuddin" yang membawa penterjemah daripada Heyderabad, Deccan ke kota Lucknow, Uttar Pradesh pada malam Isnin 21 Jumadilakhir 1417H bersamaan dengan 3 Nopember 1996M. Selain daripada di dalam kereta api, terjemahan ini sempat juga ditulis di Varanasi, di Lucknow dan di Delhi. Dan alhamdulillah dapat diselesaikan di dalam

"Jamak Masjid" (Masjid Jami`) Delhi yang bersejarah itu pada pagi hari Senin 29 Jumadil-akhir 1417H bersamaan dengan 11 Nopember 1996M, jam 10 pagi.

Kitab "Ayyuhal-Walad" atau juga diberi nama الرسالة الولدية (Ar-Risalah Al-Waladiyyah) adalah ditulis oleh Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala* di dalam bahasa Parsi, kemudian kitab ini diterjemahkan ke dalam bahasa Arab oleh sebahagian ulama dan dinamakan dengan nama yang kita sebutkan tadi.

Kitab "Ayyuhal-Walad" ini ditulis oleh Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala* sebagai jawaban kepada sepucuk surat yang dikirim oleh seorang murid beliau yang sangat mencintainya. Dimana di dalam surat itu murid beliau meminta agar Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala* sudi menulis sepucuk surat yang merupakan suatu nasihat yang ditujukan kepadanya secara khusus, walaupun ia yaqin bahawa isi dan kandugan surat tersebut telah ada termaktub di dalam kitab-kitab karangan Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala*.

Lalu Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala* dengan murah hati menjawab surat anak muridnya tadi dan memberikan kepadanya beberapa nasihat yang sangat mahal harganya.

Apabila kita cuba meneliti kandugan surat Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala* ini, maka kita akan mendapati bahawa beliau sangat ikhlas sekali dalam memberikan nasihatnya dan di celah-celah ungkapan beliau kelihatan kehebatan Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala* dalam menggambarkan tipuan dunia dan kekalnya negeri akhirat, dan betapa perlunya kita kepada iman dan amal saleh dan kejernihan jiwa. Kita juga melihat kasih sayang Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala* terhadap muridnya lalu beliau

membawakan nasihat ini dalam bahasa yang halus yang menyentuh hati nurani, terkadang dapat mengalirkan air mata dan memberikan kesan yang sangat mendalam sekali ke dalam hati kita sehingga membawa kepada kesuatu perubahan dalam kehidupan.

Dengan demikian maka terhimpunlah di dalam nasihat Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala* ini antara keindahan ikhlas dan keindahan bahasa, lalu kalimat-kalimat yang keluar daripada hati yang ikhlas tadi akan masuk ke dalam lubuk hati yang paling dalam pula dan benar-benar memberikan kesan yang sangat ketara sekali. Maka berhimpunlah nilai kebenaran dengan nilai keindahan. Dan inilah nilai sastera yang sebenarnya, iaitu ikhlas, indah, benar dan berkesan.

Kemudian daripada itu, walaupun surat ini pada asalnya ditujukan oleh Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala* khusus kepada anak muridnya yang tertentu, namun isi dan kandungannya adalah sangat diperlukan oleh semua lapisan masyarakat, tua atau muda, guru atau murid, kerana nasihat yang ditulis oleh Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala* ini sangat penting bagi mereka yang mau memantapkan cita-cita dalam usaha yang berterusan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat kelak.

Semoga terjemahan ini diberi berkat oleh Allah taala dan dijadikan satu amal saleh bagi penterjemahnya dan juga bagi para pembacanya, amien.

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم

Hamba yang sangat berhajat kepada ampunan Tuhannya,

Ahmad Fahmi Zamzam

Jamak Masjid, Delhi, India
29 Jumadil-Akhir 1417H
bersamaan dengan 11 Nopember 1996M. Jam 10.00 pagi.

والحمد لله رب العالمين

KANDUNGAN

نِعَمُ الْإِلٰهِ عَلَى الْأَنَامِ كَثِيْرَةٌ
وَأَجَلُّهُنَّ نَجَابَةُ الْأَوْلَادِ

"Sungguh banyak kurniaan Tuhan untuk manusia, tapi tiada kurnia setanding kesuksesan anak-anak"

أيـهـا الـولـد

AYYUHAL-WALAD

(WAHAI ANAKKU YANG TERCINTA)

بسم الله الرحمن الرحيم

MUQADDIMAH

Berkata Al-Imam Hujjatul-Islam Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali at-Thusi *rahimahullahu taala:*

Wahai anakku yang tercinta dan kekasih yang mulia! Semoga Allah taala memanjangkan umurmu dalam berbuat taat kepada-Nya dan semoga Allah taala memudahkan bagimu untuk mengikuti jalan para kekasihnya:

Ketahuilah olehmu bahawasanya apa jua cabang nasihat itu maka adalah berasal daripada sumber kenabian (Maksudnya dari al-Quran atau Hadis Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam.* Oleh kerana itu apabila telah sampai kepadamu suatu nasihat yang berasal daripada sumber ini maka apa perlunya lagi engkau kepada nasihat saya. Dan apabila masih belum sampai kepadamu suatu nasihat daripada sumber ini maka sebenarnya ilmu-ilmu apa yang telah engkau pelajari selama ini.

Nasihat Pertama

WAKTU ITU IALAH KEHIDUPAN

Wahai anakku yang tercinta !

Sebahagian daripada nasihat yang telah diberikan oleh Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam* kepada umatnya ialah sabda Baginda yang berbunyi :

"عَلاَمَةُ إِعْرَاضِ اللهِ عَنِ الْعَبْدِ اشْتِغَالُهُ بِمَا لاَ يَعْنِيْهِ. وَإِنَّ امْرَءًا ذَهَبَتْ سَاعَةٌ مِنْ عُمُرِهِ فِي غَيْرِ مَا خُلِقَ لَهُ لَجَدِيْرٌ أَنْ تَطُوْلَ عَلَيْهِ حَسْرَتُهُ. وَمَنْ جَاوَزَ الأَرْبَعِيْنَ وَلَمْ يَغْلِبْ خَيْرُهُ شَرَّهُ فَلْيَتَجَهَّزْ إِلَى النَّارِ".

Ertinya: "Adalah dikira sebagai tanda berpalingnya Allah taala daripada seseorang hamba apabila ia selalu mengerjakan perkara yang tidak berfaedah. Dan seandainya ada satu saat sahaja daripada umurnya yang telah digunakannya pada barang yang bukan merupakan tujuan hidupnya (iaitu untuk beribadah kepada Allah taala) maka layaklah bahawa akan panjang penyesalannya (pada hari kiamat nanti). Dan siapa yang umurnya lebih daripada empatpuluh tahun sedangkan kebaikannya masih belum dapat melebihi kejahatannya maka layaklah ia mempersiapkan dirinya untuk memasuki api neraka".

Sebenarnya sekadar ini sudah cukup untuk menjadi nasihat kepada semua orang yang berilmu.

Nasihat Kedua

BAGAIMANA SEPATUTNYA KITA MENERIMA NASIHAT

Wahai anakku yang tercinta!

Memberi nasihat itu sebenarnya mudah sahaja, yang berat ialah menerima isi nasihat tersebut kerana setiap nasihat itu dirasakan tersangat pahit bagi siapa yang selalu mengikuti kehendak nafsunya. Nafsu sangat mencintai perkara-perkara yang dilarang, apatah lagi bagi orang yang mencari ilmu yang resmi (maksudnya mencari ilmu supaya dapat jadi pegawai atau mendapat suatu gelaran resmi) dan sentiasa sibuk untuk menonjolkan kehebatan diri dan menghimpunkan kesenangan dunia kerana orang yang seperti ini selalu menganggap bahawa hanya dengan sekadar memperolehi ilmu itu sudah cukup menjadi sebab keselamatannya dan sebab kebahagiannya dan ia tidak perlu beramal dengan ilmu-ilmu yang telah dipelajarinya. Orang yang seperti ini sebenarnya telah terpengaruh dengan i`tikad dan aliran pemikiran ahli falsafah. Subhanallah, alangkah kelirunya pemikiran yang seperti ini. Bukankah ia telah mengetahui bahawasanya seseorang itu apabila telah dapat menghasilkan ilmu kemudian ia tidak beramal dengan ilmu yang telah diketahuinya itu, nanti pada hari kiamat ia akan disoal dengan soalan yang lebih berat daripada soalan yang dikemukakan kepada orang yang tidak mengetahui apa-apa, seperti apa yang telah disebutkan dalam hadis Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam*:

"أَشَدُّ النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ، عَالِمٌ لاَ يَنْفَعُهُ اللهُ بِعِلْمِهِ"

حديث رواية الطبراني

Ertinya: "Orang yang paling pedih seksaannya pada hari kiamat nanti ialah seorang alim yang tidak memberi manfaat akan dia oleh Allah taala dengan ilmunya".

Dan diriwayatkan daripada Imam Junaid Al-Baghdadi (wafat 297H) *rahimahullahu taala* bahawa ada seorang yang telah bermimpi bertemu dengan beliau di waktu tidur setelah kematian beliau. Lalu orang itu bertanya kepada Imam Junaid Al-Baghdadi dengan katanya: Apa kabar engkau wahai Abul-Qasim? (Junaid Al-Baghdadi). Lalu Imam Junaid Al-Baghdadi menjawab: Sebenarnya telah hilang segala ilmu-ilmu yang zahir, bahkan juga telah hilang ilmu-ilmu yang batin, dan sudah tidak ada lagi yang bermanfaat kecuali hanya beberapa rakaat yang sempat kami lakukan di tengah malam.

Nasihat Ketiga

ILMU ITU TIDAK BERMANFAAT KECUALI BILA SUDAH DIAMALKAN

Wahai anakku yang tercinta!

Janganlah engkau jadi orang yang muflis (bankrap) pada amalnya dan janganlah engkau jadikan dirimu itu kosong daripada perkara yang berfaedah, dan yakinlah bahawasanya semata-mata ilmu itu belum dapat menjamin keselamatanmu di akhirat kelak.

Umpamanya kalau seseorang ada memiliki sepuluh bilah pedang yang sangat tajam dan juga bermacam-macam senjata yang lain lagi dan dia pula adalah seorang yang berani dan sangat pandai dalam peperangan, lalu datang seekor singa yang garang dan terus menyerangnya. Maka apa pendapatmu, apakah semata-mata memiliki segala senjata tadi tanpa menggunakannya sudah cukup untuk menangkis serangan singa itu? Sudah tentu tidak. Segala senjata itu baru bermanfaat apabila ianya digunakan oleh tuan yang memiliki senjata itu. Maka begitulah keadaan seseorang yang telah mengetahui ratusan ribu masalah ilmu, tetapi ia tidak beramal dengannya. Maka segala ilmunya tidak akan bermanfaat kecuali setelah diamalkan. Sama pula keadaannya dengan seseorang yang diserang sakit demam panas dan sakit kuning, yang biasanya ia dinasihatkan

meminum ubat *sakanjabin* dan *kasykab*[1] maka tidak akan hasil sembuhnya kecuali dengan meminum ubat tersebut.

Dalam hal ini disebutkan suatu syair dalam bahasa Parsi:

كرمي دو هزار رطل همى بيمائي تامى نخورى نباشدت شيدائي

Ertinya: Seandainya engkau menimbang dua ribu kati [2] arak maka engkau tidak akan mabuk sehingga bila engkau meminumnya.

Maka jika engkau belajar ilmu seratus tahun lamanya dan engkau menghimpunkan seribu buah kitab, engkau masih belum layak mendapat rahmat Allah taala kecuali dengan mengamalkan ilmu-ilmu itu.

Allah taala telah berfirman :

وَأَنْ لَيْسَ لِلإِنْسَنِ إِلاَّ مَا سَعَى."

(Surah an-Najm ayat 39)

Maksudnya: "Dan sesungguhnya manusia itu tidak akan mendapat sesuatu kecuali apa yang diusahakannya".

Dan firmanNya lagi :

فَمَنْ كَانَ يَرْجُوْا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلاً صَلِحًا.

(Surah al-Kahfi ayat 110)

---

[1] Sejenis ubat-ubatan yang merupakan campuran dari cuka dan madu atau apa jua yang manis dicampur dengan yang masam.

[2] Satu kati sama dengan 600 gram.

Maksudnya: "Maka siapa yang mengharap akan bertemu Tuhannya maka hendaklah ia beramal akan amalan yang saleh".

Dan firmanNya lagi :

"جَزَاءً بِمَا كَانُوْا يَكْسِبُوْنَ".

(Surah at-Taubah: ayat 82)

Maksudnya: "Balasan yang diberikan kepada mereka itu adalah sebagai balasan bagi amal yang telah mereka lakukan".

Dan firmanNya lagi :

إِنَّ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا وَعَمِلُوا الصّٰلِحٰتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنّٰتُ الْفِرْدَوْسِ نُزُلاً، خٰلِدِيْنَ فِيْهَا لاَ يَبْغُوْنَ عَنْهَا حِوَلاً".

(Surah Al-Kahfi, ayat 107-108)

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal saleh adalah Syurga Jannatul-Firdaus itu sebagai tempat tinggal mereka. Mereka kekal di dalamnya dan mereka sudah tidak mau lagi mencari tempat yang lain daripadanya sebagai gantinya".

Dan firman-Nya lagi :

"إِلاَّ مَنْ تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ عَمَلاً صٰلِحًا".

(Surah Al-Furqaan, ayat 70)

Maksudnya: Kecuali (Ertinya tidak masuk neraka) orang yang bertaubat dan beriman serta beramal dengan amal yang saleh".

Dan apakah yang engkau kata berkenaan dengan hadis ini apabila engkau tidak beramal dengan ilmu-ilmu engkau.

Hadis itu ialah :

"بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيْتَاءِ الزَّكَاةِ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ، وَحَجِّ الْبَيْتِ لِمَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيْلاً". (متفق عليه عن ابن عمر)

Maksudnya: "Islam itu diasaskan atas lima perkara: Penyaksian bahawa tidak ada Tuhan kecuali hanya Allah dan bahawa Muhammad itu Rasulullah, mendirikan sembahyang mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan, mengerjakan haji ke Baitullah bagi mereka yang mampu pergi kesana".

Maka Iman itu ialah perkataan dengan lidah, membenarkan dengan hati dan beramal dengan anggota.

Dan dalil yang menuntut kita supaya beramal itu sangat banyak sekali sehingga tidak dapat dihitung banyaknya. Dan walaupun seseorang hamba itu masuk Syurga hanya dengan rahmat dan kemurahan Allah Taala, namun rahmat dan kemurahanNya itu hanya didapatkan setelah seseorang hamba itu mempersiapkan diri dengan ketaatan dan ibadah, kerana rahmat Allah taala itu dekat kepada hamba-hambaNya yang berbuat baik.

Seandainya ada orang yang berkata: Masuk Syurga itu hanya dengan semata-mata beriman, maka kami menjawab: Memang betul begitu, tetapi bilakah seseorang itu dapat sampai kesana (masuk syurga) dengan selamat dan berapa banyakkah halangan dan dugaan yang besar-besar yang mesti dilaluinya sebelum sampai kesana. Maka dugaan pertama yang mesti dilaluinya ialah dugaan iman itu sendiri, apakah ia pasti selamat daripada tercabut sehingga ke akhir hayatnya? Dan apabila ia telah mati dalam keadaan beriman maka apakah telah pasti pula bahawa dia tidak muflis atau rugi?

Berkata Al-Imam Hasan al-Bashri (wafat 110H) *rahimahullahu taala*: "Allah taala berfirman kepada hamba-hambaNya pada hari kiamat nanti: Masuklah kamu ke dalam Syurga dengan rahmatKu, dan tentukanlah kedudukkan kamu masing-masing di dalamnya mengikut amalan kamu".

Nasihat Keempat

KADAR BALASAN MENGIKUT KADAR AMALAN

Wahai anakku yang tercinta!

Selama mana engkau tidak beramal maka selama itulah engkau tidak mendapatkan pahala.

Diriwayatkan bahawa ada seorang lelaki dari kalangan Bani lsrael yang telah beribadah selama 70 tahun lamanya, lalu Allah taala mau menunjukkan keadaannya ini kepada para malaikat maka Allah taala mengutus kepadanya seorang malaikat yang memberitahu bahawa walaupun ia telah beribadah 70 tahun lamanya namun ia masih belum layak untuk masuk ke dalam Syurga.

Apabila malaikat ini telah memberitahu hal ini kepadanya lalu ia berkata: Itu bukan urusanku, Aku diciptakan untuk beribadah kepada Allah taala, maka itulah kerja yang mesti aku lakukan. Apabila malaikat itu kembali kepada Allah lalu ia berkata: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya Engkau Maha mengetahui dengan apa yang telah diperkatakannya. Lalu Allah taala berfirman: Apabila hambaKu itu tidak berpaling daripada beribadah akan Daku maka Aku membalasnya dengan kemurahanKu. Aku juga tidak akan berpaling daripadanya. Wahai para malaikatKu bersaksilah kamu semua bahawa Aku telah mengampuni akan segala dosanya.

Dan telah bersabda Rasulullah *Shallallahu `alaihi wasallam*:

"حَاسِبُوْا أَنْفُسَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُحَاسَبُوْا، وَزِنُوْا أَعْمَالَكُمْ قَبْلَ أَنْ تُوْزَنُوْا".

Ertinya: "Hitunglah dirimu sebelum kamu dihitung, dan timbanglah amalanmu sebelum kamu ditimbang".

Dan berkata Saidina Ali *radhiyallahu anhu*:

"مَنْ ظَنَّ أَنَّهُ بِدُوْنِ الْجَهْدِ يَصِلُ فَهُوَ مُتَمَنٍّ، وَمَنْ ظَنَّ أَنَّهُ بِبَذْلِ الْجَهْدِ يَصِلُ فَهُوَ مُسْتَغْنٍ".

Ertinya: "Siapa yang menyangka bahawa tanpa usaha ia akan dapat masuk ke dalam Syurga maka orang itu hanya berangan-angan sahaja. Dan siapa yang menyangka bahawa hanya dengan usaha sahaja ia akan masuk ke dalam Syurga maka orang itu telah merasa kaya daripada rahmat Allah taala".

Dan berkata Imam Hasan al-Basri (wafat 110H) *rahimahullahu taala*: "Mencari Syurga tanpa amalan adalah satu dosa daripada segala dosa". Dan beliau berkata lagi: "Tanda faham hakikat ilmu itu ialah meninggalkan memperhatikan kepada pahala amalan bukan meninggalkan beramal".

Dan sabda Rasulullah *Shallallahu `alaihi wasallam*:

اَلْكَيِّسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ. وَالْأَحْمَقُ مَنِ اتَّبَعَ هَوَاهُ وَتَمَنَّى عَلَى اللهِ تَعَالَى الْأَمَانِيَ".

Ertinya: "Orang yang bijak itu ialah orang yang sentiasa menghitung dirinya dan beramal untuk kehidupan sesudah matinya. Dan orang yang bodoh itu ialah orang yang selalu memperturutkan kehendak hawa nafsunya dan hanya banyak berangan-angan untuk mendapat kemurahan Allah taala"

Nasihat Kelima

IKHLASHKAN NIATMU

Wahai anakku yang tercinta !

Berapa banyakkah daripada malam-malam yang telah engkau penuhkan dengan berjaga untuk belajar dan memutalaah kitab. Dan berapa lama engkau telah menahan tidur ke atas dirimu. Saya tidak pasti apakah niat yang mendorong engkau berbuat demikian. Maka apakah hanya semata-mata mencari keuntungan dunia dan menghimpunkan segala mata bendanya dan mencapai akan kedudukkan yang tinggi serta berbangga dengan kehebatanmu di hadapan kawan-kawan. Jikalau ini niatmu maka engkau akan rugi serugi-ruginya. Tetapi jika niatmu di dalam segala usahamu itu untuk menghidupkan syariat Nabi Muhammad *shallallahu `alaihi wasallam* dan memperbaiki akhlakmu serta memecahkan keinginan nafsumu yang selalu menyuruh untuk berbuat jahat maka untunglah engkau seribu untung. Sungguh benar seorang ahli syair yang berkata :

سَهْرُ الْعُيُوْنِ لِغَيْرِ وَجْهِكَ ضَائِعٌ وَبُكَاؤُهُنَّ لِغَيْرِ فَقْدِكَ بَاطِلُ

Ertinya: “Berjaga malam kalau bukan kerana zatMu adalah sia-sia. Dan menangis kalau bukan kerana kehilanganMu adalah tidak berguna”.

Nasihat Keenam

HAKIKAT HIDUP, CINTA DAN AMAL

Wahai anakku yang tercinta !

Hiduplah engkau sesuka-suka hatimu kerana engkau pasti akan mati. Dan cintailah apa sahaja yang engkau kehendaki kerana engkau pasti akan berpisah dengannya. Dan buatlah apa sahaja yang engkau kehendaki kerana engkau pasti akan dibalas mengikut amal perbuatanmu.

Nasihat Ketujuh

DAHULUKAN BELAJAR ILMU YANG FARDHU `AIN

Wahai anakku yang tercinta !

Apakah hasil yang akan engkau perolehi daripada menghabiskan waktu untuk belajar ilmu perbahasan, ilmu kalam (ilmu tauhid yang dalam-dalam) dan ilmu khilaf (ilmu perbahasan khilafiah) dan ilmu at-Tibb (ilmu perubatan) dan ilmu yang berkenaan dengan himpunan Syair Arab dan ilmu peredaran bintang, dan ilmu yang berkenaan dengan timbangan Syair Arab, dan ilmu yang berkenaan dengan qaidah bahasa Arab, selain daripada menyia-nyiakan umur dengan menyalahi perintah Allah Yang Maha Besar [3]. Sesungguhnya aku telah melihat di dalam Injil Nabi Isa *alaihis-salam* ada disebutkan:

"Mulai seorang mayyat itu diletakkan di atas kerandanya sampai ia diletakkan di dalam kuburnya Allah taala telah bertanya kepadanya 40 soalan. Yang pertama sekali ialah: Wahai hambaKu! Kenapa engkau sentiasa sepanjang tahun memperhatikan kebersihan tempat pandangan manusia kepadamu (iaitu anggota zahirmu) tetapi engkau tidak peduli kepada tempat pandanganKu (hati engkau) walaupun hanya satu detik.

---

[3] Maksudnya: Janganlah engkau berlebih-lebihan dalam mempelajari masalah yang halus-halus pada ilmu-ilmu tadi sehingga engkau tidak mempunyai waktu yang cukup untuk belajar ilmu yang fardhu `ain.

Dan setiap hari Allah taala memandang ke dalam hatimu lalu Dia berfirman: Kenapa engkau hanya memberikan perhatian kepada yang lain daripadaKu, sedangkan engkau dikelilingi dengan ihsanKu. Apakah engkau sebenarnya tuli dan tidak dapat mendengar lagi".

Nasihat Kelapan

ILMU TANPA AMALAN IALAH GILA

Wahai anakku yang tercinta !

Ilmu tanpa amalan ialah gila dan amal tanpa ilmu pula adalah sia-sia. Dan ketahuilah bahawasanya ilmu semata-mata masih belum dapat menjauhkan engkau daripada perbuatan maksiat dan belum mampu mendorong engkau berbuat taat dan tidak akan dapat menjauhkan engkau pada hari kiamat daripada api neraka. Dan apabila engkau tidak beramal dengan ilmu yang ada pada dirimu dan engkau tidak membuat pembetulan terhadap segala kesalahan yang engkau lakukan pada masa yang lalu, kelak engkau akan berkata pada hari kiamat (atau di dalam kubur) nanti :

رَبَّنَا أَبْصَرْنَا وَسَمِعْنَا فَارْجِعْنَا نَعْمَلْ صَٰلِحًا".

(Surah As-Sajdah ayat 12)

Maksudnya: “(Wahai Tuhanku) kembalikan aku ke dunia untuk aku dapat beramal saleh”.

Lalu dikatakan kepada engkau :
"Wahai si bodoh kenapa engkau hendak kembali kesana, sedangkan engkau baharu sahaja datang dari sana”.

Nasihat Kesembilan

TINGGIKAN CITA-CITAMU DAN LAWANLAH NAFSUMU DAN BUATLAH BEKALAN AKHIRAT

Wahai anakku yang tercinta !

Jadikanlah cita-citamu itu dalam meninggikan ruhaniyahmu. Dan jadikanlah segala kegagalan itu berada pada pihak hawa nafsumu. Dan jadikanlah kematian itu hanya pada badanmu kerana tempat tinggalmu ialah liang kubur, dan penghuni kubur sentiasa menanti kedatanganmu pada setiap masa, maka jangan sekali-sekali engkau datang kesana tanpa bekalan.

Dan berkata Saidina Abu Bakar As-Shiddiq *radhiyallahu anhu*:

"Badan kita itu tidak ubahnya laksanakan sangkar burung ataupun kandang binatang, maka fikirkanlah baik-baik untuk dirimu dan tentukanlah bagi dirimu yang mana satu di antara dua perumpamaan ini".

"Jikalau engkau laksanakan burung yang terbang tinggi maka ia akan terbang dengan riang gembira apabila mendengar seruan:

"إِرْجِعِيْ إِلَى رَبِّكِ رَاضِيَةً مَرْضِيَّةً".

(Surah Al-Fajr, ayat 28)

Maksudnya: “Kembalilah kepada Tuhanmu dalam keadaan redha dan diredhai”.

Engkau akan terus terbang tinggi sehingga engkau akan hinggap di puncak pohon-pohon Syurga yang tinggi. Ini seperti sabda Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam* ketika Saad bin Muaz meninggal dunia:

"اِهْتَزَّ عَرْشُ الرَّحْمٰنِ مِنْ مَوْتِ سَعْدِ بْنِ مُعَاذٍ".

Ertinya: “Telah bergoncang Arasy Allah ketika kematian Saad bin Muaz (kerana kegembiraan menyambut kedatangan rohnya) “.

Dan mudah-mudahan Allah melindungi engkau daripada menjadi laksanakan binatang ternak seperti firman Allah taala :

"أُولٰئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ".

(Surah Al-A'raf, ayat 179)

Maksudnya: “Mereka itu laksanakan binatang, bahkah lebih sesat lagi”.

Maka tidak mustahil bahawa engkau berpindah dari alam dunia ini ke dalam jurang api neraka.

Dan adalah diriwayatkan bahawa Al-Imam al-Hasan al-Bashri (wafat 110H) *rahimahullahu taala* diberikan kepada beliau segelas air sejuk lalu beliau memegang gelas tersebut dan terus sahaja beliau pengsan. Apabila beliau telah sedar lalu ada orang bertanya: Kenapa tadi engkau jatuh pengsan? Beliau menjawab tadi aku teringat angan-angan penghuni neraka, apabila nanti mereka berkata kepada penghuni Syurga:

"أَنْ أَفِيْضُوْا عَلَيْنَا مِنَ الْمَاءِ أَوْ مِمَّا رَزَقَكُمُ اللهُ".

(Surah Al-A'raf , ayat 50)

Maksudnya: "Limpahkanlah kepada kami sebahagian daripada air yang ada pada kamu atau apa sahaja dari rezeki yang telah diberi oleh Allah taala kepada kamu".

Nasihat Kesepuluh

BANGUNLAH BERIBADAH DI WAKTU MALAM

Wahai anakku yang tercinta !

Seandainya ilmu semata-mata itu cukup bagi engkau dan tidak perlu kepada amalan maka tidak ada faedahnya seruan suci di tengah malam seperti yang disebutkan: "Adakah di sana orang yang meminta sesuatu? Adakah di sana orang yang meminta ampun? Adakah di sana orang yang bertaubat?

Diriwayatkan bahawasanya sebahagian daripada sahabat *radhiyallahu anhum ajmain* menyebutkan tentang keindahan keperibadian Saidina Abdullah bin Umar *radhiyallahu anhuma* di sisi Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam,* lalu Baginda bersabda:

"نِعْمَ الرَّجُلُ هُوَ، لَوْ كَانَ يُصَلِّيْ بِاللَّيْلِ".

Ertinya: "Abdullah bin Umar itu sangat baik orangnya, apakan lagi kalau beliau bangun sembahyang di waktu malam".

Dan Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam* pernah berkata kepada salah seorang sahabatnya:

"يَا فُلاَنُ لاَ تُكْثِرِ النَّوْمَ بِاللَّيْلِ، فَإِنَّ كَثْرَةَ النَّوْمِ بِاللَّيْلِ يَدَعُ صَاحِبَهُ فَقِيْرًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ".

Ertinya: "Wahai si fulan! Janganlah engkau terlalu banyak tidur di waktu malam kerana terlalu banyak tidur di waktu malam itu menjadikan seseorang fakir di hadapan Allah pada hari kiamat nanti".

Wahai anakku yang tercinta !

Hendaklah engkau selalu mengingati firman Allah taala :

"وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ".

(Surah Al-Isra, ayat 79)

Maksudnya: "Dan hendaklah engkau bangun sembahyang tahajjud pada sebahagian daripada waktu malam".

Dan firman ini mengandungi makna suruhan.

Dan firmanNya lagi:

"وَبِالأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُوْنَ".

(Surah al-Zhariyat, ayat 18)

Maksudnya: "Dan di waktu sahur mereka sentiasa beristighfar akan Allah taala".

Dalam firman ini mengandungi makna Syukur .

Dan firmanNya lagi:

"وَالْمُسْتَغْفِرِيْنَ بِالْأَسْحَارِ".

(Surah Ali Imran, ayat 17)

Maksudnya: "(Mereka yang berjaya itu ialah) orang-orang yang selalu beristighfar di waktu sahur".

Dalam firman ini mengandungi makna peringatan.

Dan telah bersabda Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam*:

"ثَلاَثُ أَصْوَاتٍ يُحِبُّهَا اللهُ تَعَالَى: صَوْتُ الدِّيْكِ، وَصَوْتُ الَّذِيْ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ، وَصَوْتُ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ بِالْأَسْحَارِ".

Ertinya: "Ada tiga suara yang sangat dicintai oleh Allah taala, suara ayam jantan yang berkokok, suara orang membaca al-Quran dan suara orang yang beristighfar di waktu sahur".

Dan berkata Imam Sufian as-Tsauri (wafat 161H) *radhiyallahu anhu*:

"Sesungguhnya Allah taala menciptakan satu angin yang berhembus di waktu sahur untuk membawa zikir dan istighfar kepada Tuhan Raja Yang Maha Perkasa".

Dan beliau berkata lagi:

"Apabila bermula malam maka memanggillah suatu pemanggil daripada bawah Arasy: "Hendaklah para Abidin segera bangun", maka mereka pun bangun dan terus

bersembahyang dengan sembahyang yang banyak. Dan apabila sudah berlalu separuh malam memanggil pula suatu pemanggil: “Hendaklah para Qanitin segera bangun, maka mereka pun bangun dan terus bersembahyang sehingga sampai ke waktu sahur. Dan apabila datang waktu sahur memanggil pula suatu pemanggil: “Hendaklah bangun orang yang mau beristighfar”, maka mereka pun bangun dan terus beristighfar. Dan apabila fajar sudah naik menyingsing maka memanggillah oleh suatu pemanggil: “Hendaklah bangun mereka yang lalai”. Lalu mereka pun bangun daripada tempat tidur mereka laksanakan orang mati yang dibangkitkan daripada kubur mereka.

Wahai anakku yang tercinta !

Adalah diriwayatkan di dalam wasiat Luqman al-Hakim bagi anaknya, bahawa beliau berkata:

"Wahai anakku yang tercinta! Janganlah sampai ayam jantan itu lebih bijak daripada engkau. Ia berkokok di waktu sahur, sedangkan engkau masih nyenyak tidur lagi”.

Dan sungguh sangat indah sekali gubahan syair di bawah ini:

لَقَدْ هَتَفَتْ فِيْ جُنْحِ لَيْلٍ حَمَامَةٌ   عَلَى فَنَنٍ وَهْنًا وَإِنِّيْ لَنَائِمُ

كَذَّبْتُ وَبَيْتِ اللهِ لَوْ كُنْتُ عَاشِقًا   لَمَا سَبَقَتْنِيْ بِالْبُكَاءِ الْحَمَائِمُ

وَأَزْعُمُ أَنِّيْ هَائِمٌ ذُوْ صَبَابَةٍ   لِرَبِّيْ فَلاَ أَبْكِيْ وَتَبْكِي الْبَهَائِمُ

*Sesungguhnya memangil-mangil di kegelapan malam burung merpati yang bertengger di atas kayu. Ia terus sahaja menangis kerinduan, sedangkan aku mabuk dalam tidurku”.

*Bohong, sebenarnya bohong aku, demi Tuhan yang memiliki Baitullah. Seandainya aku benar seorang yang asyik (rindu akan Allah taala) sudah tentu burung-burung itu tidak akan mendahuluiku menangis.

*Aku mengaku bahawa aku seorang pencinta yang bersangatan dahaga untuk bertemu kekasih, namun kenapa aku masih belum pandai menangis seperti menangisnya binatang-binatang itu".

Nasihat Kesebelas

IBADATMU HENDAKLAH MENGIKUTI ATURAN SYARIAT

Wahai anakku yang tercinta !

Intisari segala ilmu itu ialah bahawa engkau mengetahui cara mengerjakan ketaatan dan cara beribadah akan Allah taala.

Ketahuilah bahawasanya taat dan ibadah itu ialah mengikuti aturan Allah taala pada segala suruhan, larangan dan perbuatan. Segala apa yang engkau katakan dan segala apa yang engkau buat dan yang engkau tinggalkan hendaklah mengikuti peraturan syariat-Nya. Kalau tidak, maka ia akan menjadi dosa seperti halnya bila engkau berpuasa di hari raya dan di hari-hari tasyrik [4] maka engkau telah melakukan kemaksiatan. Begitu pula halnya seandainya engkau sembahyang memakai pakaian yang dicuri maka adalah juga berdosa walaupun pada zahirnya engkau telah melakukan suatu bentuk ibadah.

Wahai anakku yang tercinta !

Seyogianya perkataanmu dan perbuatanmu itu sesuai dengan peraturan syara` kerana ilmu dan amal yang tidak sesuai dengan peraturan syara` adalah sia-sia sahaja. Dan seyogianya bagimu bahawa engkau tidak tertipu dengan

---

[4] Hari kesebelas, duabelas dan tigabelas ZulHijjah.

perkataan yang aneh-aneh dan keterlanjuran perkataan ahli tasawuf, kerana jalan akhirat itu hanya dijalani dengan ***mujahadah*** (bersungguh-sungguh) melawan hawa nafsu dan memotongnya dengan pedang ***riyadhah*** (latihan) bukan dengan perkataan yang aneh-aneh dan ucapan-ucapan yang direka-reka sahaja.

Dan ketahuilah bahawasanya lidah yang tidak dikawal itu dan hati yang tertutup dan dipenuhi dengan kelalain dan syahwat adalah merupakan tanda kecelakaan seseorang. Dan apabila engkau tidak melawan nafsumu dan tidak bermujahadah dengan benar maka sudah pasti hatimu tidak akan hidup dengan cahaya ma`rifat.

Nasihat Keduabelas

SETELAH MENGAMALKAN ILMU BARU ENGKAU MENGETAHUI HAKIKATNYA

Wahai anakku yang tercinta !

Dan ketahuilah bahawasanya sebahagian daripada masalah yang engkau tanyakan kepadaku itu tidak dapat dijawab dengan tulisan ataupun perkataan, tetapi bila engkau telah sampai kepada hakikat halnya (iaitu setelah beramal dengannya) maka barulah engkau faham. Kalau engkau belum sampai kesana maka engkau belum mengetahuinya kerana masalah-masalah ini adalah masalah ***"dzauqiyyah"*** iaitu masalah yang tidak dapat difaham dengan sebenarnya kecuali setelah dirasai oleh seseorang akan hakikatnya. Maka masalah-masalah yang seperti ini tidak dapat disifatkan dengan perkataan, tetapi mesti dengan dicuba dan dirasai, seperti manisnya sesuatu yang manis dan pahitnya sesuatu yang pahit, maka hal ini tidak dapat diketahui kecuali dengan dirasai.

Seperti dihikayatkan bahawasanya ada seorang yang mati pucuk (عِنِّين) menulis surat kepada kawannya dan meminta daripadanya untuk menerangkan kepadanya akan kelazatan jima` itu bagaimana? Lalu kawannya tadi menjawab: Sebenarnya sebelum ini aku hanya tahu bahawa engkau dibalakan dengan penyakit mati pucuk sahaja, dan sekarang ini aku tahu bahawa engkau bukan hanya sekadar itu tetapi ditambah lagi dengan penyakit "bodoh" kerana kelazatan jima` itu hanya diketahui melalui rasa. Bila dicuba baru

diketahui. Jikalau engkau belum pernah mencobanya maka engkau sudah pasti tidak akan mengetahuinya. Hal ini tidak dapat diketahui dengan perkataan atau tulisan.

Nasihat Ketigabelas

EMPAT SIFAT KESEMPURNAAN BAGI ORANG YANG SALIK (Menjalani jalan akhirat)

Wahai anakku yang tercinta !

Wajib ke atas orang yang Salikin (menjalani jalan akhirat) itu bahawa ia menyempurnakan empat macam sifat-sifat.

Pertama: I`tikad yang benar yang tidak ada bid`ah di dalamnya (maksudnya mengikuti akidah Ahlus-Sunnah Wal Jamaah).

Kedua : Bertaubat dengan taubah Nasuha sehingga ia tidak akan kembali mengerjakan dosa yang pernah dilakukannya.

Ketiga: Meminta halal daripada semua musuh (mahkluk) sehingga engkau tidak akan dituntut pada hari kiamat nanti.

Keempat: Mempelajari ilmu-ilmu syari`at untuk engkau dapat menunaikan segala perintah Allah taala dan juga mempelajari ilmu-ilmu akhirat yang dapat menjamin keselamatanmu di akhirat nanti.

Nasihat Keempatbelas

WASIAT IMAM ASY-SYIBLI
rahimahullahu taala

Wahai anakku yang tercinta !

Adalah dihikayatkan bahawa Imam Asy-Syibli (wafat 334H) *rahimahullahu taala* telah berkhadam kepada empat ratus orang guru dan beliau juga berkata: "Aku telah membaca empat ribu buah hadis kemudian aku pilih daripada bilangan itu sebuah hadis yang benar-benar aku amalkan akan dia dan aku tinggalkan yang lain daripadanya kerana aku telah memperhatikan hadis yang aku pilih ini dan aku telah mendapati di dalamnya ada keselamatanku dan kesejahteraanku dan telah terkandung di dalamnya segala ilmu Awwalin (ilmu orang-orang yang dahulu) dan ilmu Akhirin (ilmu orang-orang yang kemudian). Maka aku merasa cukup dengan berpegang teguh dengannya. Hadis itu ialah sebuah Hadis yang diwasiatkan oleh Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam* kepada salah seorang sahabatnya. Hadis itu berbunyi :

"اِعْمَلْ لِدُنْيَاكَ بِقَدْرِ مُقَامِكَ فِيْهَا، وَاعْمَلْ لآخِرَتِكَ بِقَدْرِ بَقَائِكَ فِيْهَا، وَاعْمَلْ لِلّٰهِ بِقَدْرِ حَاجَتِكَ إِلَيْهِ، وَاعْمَلْ لِلنَّارِ بِقَدْرِ صَبْرِكَ عَلَيْهَا".

Ertinya: "Bekerjalah untuk duniamu sekadar mana engkau akan tinggal di dalamnya. Dan beramallah untuk akhiratmu

sekadar mana engkau akan berada di sana. Dan beramallah kerana Allah taala sekadar mana engkau berhajat kepadaNya. Dan buatlah amalan yang akan memasukkan engkau ke dalam api neraka sekadar mana engkau sabar menahan seksaannya".

Wahai anakku yang tercinta !

Apabila engkau mengetahui hadis ini maka sebenarnya engkau sudah tidak perlu lagi kepada ilmu yang banyak.

Nasihat Kelimabelas

LAPAN WASIAT IMAM HATIM AL-ASHAM
rahimahullahu taala

Wahai anakku yang tercinta !

Imam Hatim al-Asham (wafat 237H) *rahimahullahu taala* pernah ditanya oleh gurunya Imam Syaqiq al-Balkhi (wafat 194H) *rahimahullahu taala*: Engkau telah belajar daripadaku selama tiga puluh tahun lamanya. Maka apakah ilmu yang telah engkau dapatkan daripadaku? Hatim al-Asham *rahimahullahu taala* menjawab: Aku telah dapat menghasilkan lapan faedah daripada segala yang aku pelajari. Pada fikiranku lapan faedah ini sudah memadai untukku, kerana aku mengharapkan padanya keselamatan dan kesejahteraanku pada hari kiamat nanti.

Lalu Imam Syaqiq berkata: Apa lapan faedah itu? Imam Hatim al-Asham menjawab: Lapan faedah itu ialah:

Faedah Pertama:
Sesungguhnya aku telah melihat kepada makhluk-makhluk yang ada di dunia ini lalu aku mendapati bahawa bagi setiap mahkluk ini mesti ada sesuatu yang dikasihinya dan diasyiqinya. Dan aku melihat pula bahawa ada sebahagian daripada sesuatu yang dikasihinya itu hanya menemani kekasihnya sehingga sampai ia sakit sahaja, dan ada pula yang sentiasa menemaninya sehingga ke dalam kubur. Manakala yang lainnya akan terus pulang dan tidak mau

untuk bersama-sama dengan kekasihnya di dalam kubur. Ia akan membiarkan kekasihnya tinggal seorang diri di dalam kubur. Lalu aku terus berfikir, dan akhirnya aku membuat kesimpulan bahawa sebaik-baik kekasih itu ialah kekasih yang setia yang mengiringi kekasihnya sampai ke dalam kubur dan menjadi penghibur dan teman yang setia. Dan tidak ada kekasih yang bersedia untuk berbuat demikian itu selain daripada **amal saleh**. Maka aku terus menjadikan amal saleh itu sebagai teman dan kekasihku, supaya ia dapat menerangi kuburku, dan menghibur hatiku dan sudah pasti ia tidak akan meninggalkan aku duduk bersendirian dalam kuburku.

Faedah Kedua :

Sesungguhnya aku melihat sekalian mahkluk ini sentiasa mengikuti kehendak nafsu mereka dan bersegera menunaikan apa jua kehendaknya. Lalu aku memikirkan firman Allah taala yang berbunyi :

"وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَى، فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَى".

(Surah An-Nazi`at, ayat 40-41)

Maksudnya: "Dan adapun orang yang takut akan berdiri di hadapan Tuhannya dan ia menahan nafsu daripada kehendaknya maka akan dijadikan baginya Syurga itu sebagai tempat tinggalnya".

Apabila aku memikirkan ayat ini maka timbullah satu keyakinan di dalam hatiku bahawa al-Quran itu adalah benar, dan nafsu itu mesti dimusuhi, lalu aku pun menjadikannya sebagai musuh, dan aku berjuang untuk menentangnya dan aku tidak memanjakannya sehingga ia

tunduk kepadaku dan ia merasa puas hati dengan tugasnya untuk taat dan beribadah akan Allah taala.

Faedah Ketiga :
Sesungguhnya aku melihat setiap orang berusaha untuk menghimpunkan harta benda dunia ini sebanyak-banyaknya kemudian lalu ia menahannya dan tidak mau menyumbangkannya, lalu aku memikirkan akan firman Allah taala yang berbunyi :

"مَا عِنْدَكُمْ يَنْفَدُ وَمَا عِنْدَ اللهِ بَاقٍ".

(Surah An-Nahl, ayat 96)

Maksudnya: "Apa yang ada di sisimu akan habis. Dan pahala yang ada di sisi Allah itu adalah kekal".

Lalu aku pun terus suka mengorbankan apa jua yang aku dapatkan daripada harta benda dunia, dan aku suka memberikannya di kalangan fakir dan miskin, supaya harta benda itu menjadi pahala yang tersimpan di sisi Allah taala.

Faedah Keempat :
Sesungguhnya aku melihat sebahagian daripada mahkluk ini ada yang menyangka bahawa kemuliaan dan keagungan itu adalah terletak pada banyaknya pengikut lalu ia tertipu dengan cara berfikirnya ini. Dan ada pula sebahagian daripada mereka yang menyangka bahawa kemuliaan dan keagungan itu terletak pada banyaknya harta benda dan anak buah, lalu ia merasa sombong dengan yang demikian itu. Bahkah ada pula yang menyangka bahawa kemuliaan dan keagungan itu dari kemampuan merompak hak orang lain, dan menzhalimi mereka serta menumpahkan darah mereka. Dan ada juga yang menyangka bahawa kemuliaan dan

keagungan itu dari sebab banyak membuang-buang harta dan melakukan perbuatan mubazdzdir dan keterlalauan dalam berbelanja.

Lalu aku memikirkan firman Allah taala yang berbunyi :

"إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللهِ أَتْقَكُمْ"

(Surah Al-Hujurat, ayat 13)

Maksudnya:"Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah taala itu ialah orang yang paling tinggi takwanya".

Maka aku pun memilih jalan takwa untuk mendapat kemuliaan dan aku yaqin dengan sepenuh hati bahawa apa yang disebutkan di dalam al-Quran itu benar dan sangkaan-sangkaan mereka yang saya sebutkan tadi, semuanya adalah palsu belaka.

Faedah Kelima:

Sesungguhnya aku melihat ramai orang yang saling maki-memaki dan umpat-mengumpat, dan aku dapati hal ini disebabkan daripada sifat-sifat hasad dalam memiliki harta, kedudukkan atau ilmu. Lalu aku memikirkan firman Allah taala yang berbunyi :

"نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُمْ مَعِيْشَتَهُمْ فِى الْحَيٰوةِ الدُّنْيَا".

(Surah Az-Zukhruf, ayat 32)

Maksudnya: "Dan sesungguhnya Kami-lah yang membahagikan segala sumber kehidupan mereka di atas dunia ini".

Maka aku pun faham bahawa pembahagian segala ni`mat itu adalah daripada Allah taala sejak daripada alam azali lagi. Oleh kerana itu aku tidak pernah hasad akan siapapun dan aku merasa puas hati dengan pembahagian yang telah dilaksanakan oleh Allah taala.

Faedah Keenam

Sesungguhnya aku melihat manusia ini satu sama lain saling bermusuh-musuhan kerana ada suatu tujuan atau suatu sebab. Lalu aku memikirkan firman Allah taala yang berbunyi :

"إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌّ فَاتَّخِذُوْهُ عَدُوًّا".

(Surah Faathir, ayat 6)

Maksudnya: "Sesungguhnya syaitan itu bagi kamu adalah musuh yang nyata kerana itu jadikanlah ia sebagai musuh".

Maka aku membuat kesimpulan bahawa aku tidak perlu bermusuh dengan siapapun, selain hanya dengan syaitan.

Faedah Ketujuh:

Sesungguhnya aku melihat setiap orang bersungguh-sungguh dan berusaha dengan sepenuh tenaganya untuk mencari makan dan sumber kehidupan. Dan terkadang ia terpaksa mengambil yang syubhat dan yang haram. Ia terpaksa menjual harga dirinya dan air mukanya. Lalu aku memikirkan firman Allah taala yang berbunyi :

"وَمَا مِنْ دَآبَّةٍ فِي الْأَرْضِ إِلاَّ عَلَى اللهِ رِزْقُهَا".

(Surah Hud, ayat 6)

Maksudnya: "Dan tidak ada daripada suatu yang melata di atas muka bumi ini kecuali rezekinya telah dijamin oleh Allah taala".

Maka aku pun mengetahui bahawasanya rezekiku di tangan Allah taala dan telah dijamin oleh Allah taala, lalu aku hanya sibuk mengerjakan ibadah kepadaNya. Dan aku putuskan segala harapanku dengan selain daripadanya.

Faedah Kelapan :
Sesungguhnya aku melihat setiap orang ada memiliki suatu yang menjadi pegangannya. Sebahagian mereka menjadikan dinar dan dirham sebagai pegangan, dan yang lain pula menjadikan harta dan kerajaan sebagai pegangan, dan ada pula orang yang menjadikan kemahiran atau pekerjaan sebagai pegangan, bahkah ada orang yang menjadikan hamba Allah sebagai pegangannya. Lalu aku memikirkan firman Allah taala yang berbunyi :

"وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللهِ فَهُوَ حَسْبُهُ، إِنَّ اللهَ بَالِغُ أَمْرِهِ. قَدْ جَعَلَ اللهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا".

(Surah At-Thalaq, ayat 3)

Maksudnya: "Dan siapa yang bertawakal kepada Allah maka Allah pasti akan mencukupkannya. Sesungguhnya Allah taala itu mempersampaikan segala urusannya dan sesungguhnya Allah taala telah menjadikan bagi setiap sesuatu itu kadar yang telah ditentukannya".

Maka aku pun terus bertawakal kepada Allah taala maka Allah taala mencukupkan akan daku dan Allah taala itu ialah sebaik-baik tempat berserah diri.

Lalu Imam Syaqiq al-Balkhi berkata kepada Hatim Al-Asham: "Semoga Allah sentiasa memberi taufiq kepadamu. Sesungguhnya aku telah membaca Taurat, Injil, Zabur dan al-Quran, maka aku mendapati isi keempat - empat kitab ini adalah beredar pada membahas lapan masalah yang engkau sebutkan tadi. Dan siapa yang beramal dengannya maka sebenarnya ia telah beramal dengan keempat - empat kitab yang aku sebutkan tadi.

Nasihat Keenambelas

CARILAH GURU YANG MURSYID

Wahai anakku yang tercinta !

Seyogianya bagi seseorang yang menjalani jalan akhirat itu bahawa ada baginya seorang guru yang **Mursyid** lagi pandai mendidik supaya guru itu dapat menghilangkan daripadanya perangai-perangai yang jahat dengan didikannya, lalu guru itu menggantikan di tempat perangai yang jahat tadi akan akhlak yang mulia. Dan dalam proses tarbiah ini, kerja seorang guru yang mursyid itu tidak ubahnya seperti kerja seorang petani yang sentiasa membuang duri dan mencabut rumput yang tumbuh di celah-celah tanamannya. Maka dengan itu tanamannya akan hidup segar dan akan menghasilkan hasil yang sempurna. Maka seyogianya bagi murid yang berjalan ke negeri akhirat itu ada seorang guru yang mentakdibkannya (mengajarkan adab baginya) dan menunjukkan kepadanya jalan Allah taala kerana Allah taala telah mengutus segala RasulNya untuk menjadi pembimbing bagi sekalian hambaNya, dan apabila para Rasul itu telah meninggal dunia sudah pasti Allah taala akan menjadikan bagi mereka akan "KHULAFA" (pengganti-pengganti) yang meneruskan tugas mereka untuk memberikan bimbingan ke jalan Allah taala.

Dan sifat-sifat seorang guru yang Mursyid yang layak mengganti Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam* itu ialah bahawa ia seorang yang benar-benar alim, tetapi bukan

semua orang yang alim layak menjadi pengganti kepada Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam.*

Dan sekarang akan aku sebutkan sifat-sifat guru yang Mursyid itu secara ringkas supaya jangan mudah seseorang itu mengaku bahawa dirinya adalah seorang guru yang Mursyid.

Sifat-sifat guru yang Mursyid itu ialah :

Pertama : Seorang guru yang berpaling daripada mencintai dunia dan mencintai pangkat.

Kedua : Beliau telah berguru dengan gurunya yang Mursyid yang banyak mengetahui tentang segala halnya. Dan gurunya yang Mursyid itu juga telah berguru dengan seorang guru yang Mursyid sebelumnya. Begitulah seterusnya wujud silsilah guru yang Mursyid ini sehinggakan sampai kepada penghulu kita, Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam.*

Ketiga: Beliau ialah seorang guru yang benar-benar telah sukses dalam mendidik dirinya dengan menyedikitkan makan, sedikit berbicara, sedikit tidur dan banyak bersembahyang, banyak bersedekah dan juga bayak berpuasa.

Keempat: Beliau dengan sebab berguru dengan gurunya yang Mursyid tadi telah mampu menjadikan akhlak yang mulia sebagai cara hidupnya seperti sabar, sembahyang, syukur, tawakkal, yaqin, qanaah (merasa cukup dengan apa yang ada), tenang jiwa, penyantun, tawadu`, banyak ilmu, benar, malu, menyempurnakan janji, tenang pendirian, tenang pembawaan, berhati-hati dalam segala urusan dan

sebagainya. Dan apabila ia telah bersifat dengan sifat-sifat yang mulia ini maka sebenarnya ia adalah "Nur" daripada "Anwar" Nabi Muhammad *shallallahu `alaihi wasallam* yang layak untuk diikuti. Tetapi kewujudan guru yang mempunyai sifat-sifat ini sangat jarang sekali lebih sukar wujudnya daripada belirang yang merah [5].

Dan siapa yang telah mendapat karunia yang baik lalu ia bertemu dengan Syekh yang Mursyid ini dan pihak Syekh pula bersedia untuk membimbingnya maka hendaklah ia benar-benar menjaga adab-adab terhadapnya, sama ada adab yang zahir atau adab yang batin.

Adapun adab-adab yang zahir itu iaitu :

Pertama: Bahawa ia jangan sama sekali bertengkar dengannya dan jangan pula suka berhujjah melawannya pada apa jua masalah, walaupun ia mengetahui salahnya (pada zahir).

Kedua: Jangan ia bersegera meletakkan sejadah di hadapannya kecuali pada waktu ia hendak menunaikan sembahyang. Dan apabila ia telah selesai sembahyang maka hendaklah ia segera mengangkatnya.

Ketiga: Jangan ia memperbanyak sembahyang sunat di hadapannya.

Keempat : Hendaklah ia mengamalkan apa-apa yang disuruh oleh gurunya dengan kadar kemampuannya.

[5] Perumpamaan bagi sesuatu yang sangat langka (sangat sukar adanya)

Adapun adab-adab yang batin pula iaitu :

Pertama : Segala sesuatu yang ia dengar daripada gurunya dan telah diterimanya pada zahir maka jangan sekali-sekali ia mengingkarinya pada batinnya, jangan pada perbuatan dan jangan pula pada perkataan supaya ia terselamat daripada tanda orang yang munafiq. Dan seandainya ia tidak dapat berbuat demikian maka sebaiknya ia tinggalkan sahaja gurunya itu, sehinggakan sampai ke suatu masa yang ia dapat menyamakan batin dengan zahirnya.

Kedua : Hendaklah ia menjauhi daripada bersahabat dengan orang yang jahat supaya ia dapat mengosongkan lembaran hatinya daripada segala perhubungan dan pengaruh syaitan manusia, maka dengan itu akan suci hatinya daripada kekotoran syaitan. Dan walau bagaimana pun keadaannya ia mesti memilih kefakiran daripada kekayaan.

Nasihat Ketujuhbelas

INTISARI ILMU-ILMU TASAUF

Wahai anakku yang tercinta !
Ketahuilah bahawasanya ilmu tasauf itu mempunyai dua unsur:

Pertama : Istiqamah (tetap pendirian).

Kedua : Baik kelakuan dengan mahkluk.

Maka sesiapa yang tetap pendiriannya dan baik akhlaknya dengan manusia serta ia bergaul dengan lemah lembut maka orang itu ialah seorang sufi.

Istiqamah bermakna bahawa ia mengorbankan segala kehendak nafsunya untuk mendapatkan keindahan peribadinya. Manakala baik kelakuan dengan manusia pula ialah bahawa engkau tidak memaksa manusia mengikut kehendakmu bahkah sebaliknya engkau memaksakan dirimu untuk melayani kehendak mereka selama tidak ada di sana perkara yang menyalahi syara`.

Nasihat Kelapanbelas

HAKIKAT `UBUDIYAH

Wahai anakku yang tercinta !

Kemudian engkau bertanya kepadaku tentang hakikat 'ubudiyah. Maka 'Ubudiyah itu mengandungi tiga perkara :

Pertama : Menjaga hukum-hukum syari`at.

Kedua : Redha dengan qada dan qadar dan pembahagian Allah taala

Ketiga : Bahawa engkau mencari keridhaan Allah taala walaupun engkau terpaksa meninggalkan kehendak dirimu sendiri.

Nasihat Kesembilanbelas

HAKIKAT TAWAKKAL

Wahai anakku yang tercinta !

Engkau juga telah bertanya tentang tawakkal. Maka makna tawakkal itu bahawa engkau memantapkan i`tiqadmu dengan janji-janji Allah taala, iaitu engkau mengi`tiqadkan bahawasanya segala apa yang telah ditakdirkan bagimu itu pasti akan sampai kepadamu tidak boleh tidak walaupun seluruh mahkluk yang ada di alam ini berusaha menghalangnya daripadamu. Dan sebaliknya apa-apa yang telah ditakdirkan bahawa ia bukan untuk engkau sudah pasti ia tidak akan sampai kepada engkau walaupun sekalian mahkluk berusaha untuk menyampaikannya kepada engkau.

Nasihat Keduapuluh

HAKIKAT IKHLAS

Wahai anakku yang tercinta !

Dan engkau juga bertanya kepadaku tentang hakikat ikhlas. Maka ikhlas itu bahawa engkau menjadikan segala amalanmu hanya untuk Allah taala dan hati engkau tidak merasa senang dengan pujian manusia dan engkau juga tidak peduli dengan celaan mereka.

Nasihat Keduapuluh Satu

HAKIKAT RIYAK

Wahai anakku yang tercinta !

Dan engkau juga bertanya kepadaku tentang riyak. Maka riyak itu sebenarnya lahir daripada rasa membesarkan mahkluk. Dan cara menghilangkannya ialah bahawa engkau melihat mahkluk ini diarahkan oleh takdir Tuhan dan engkau merasakan bahawa mereka itu tidak ubahnya seperti benda-benda yang beku yang tidak mempunyai apa-apa kemampuan untuk menyampaikan manfaat atau mudharat kepadamu. Maka dengan itu engkau akan selamat daripada memperhitungkan pandangan mereka. Tetapi jika engkau melihat kepada mahkluk ini dan engkau merasakan bahawa mereka mempunyai kekuasaan dan kehendak maka sifat riyak itu tidak akan hilang daripada hatimu.

Nasihat Keduapuluh Dua

JANGAN ENGKAU BANYAK BERTANYA TETAPI HENDAKLAH ENGKAU BANYAK BERAMAL

Wahai anakku yang tercinta !

Apa yang masih berbaki daripada pertanyaanmu adalah telah tertulis jawapannya di dalam kitab-kitab karanganku, maka carilah di sana. Dan menulis setengah daripadanya adalah haram (kerana ia adalah ilmu dzauqi) dan beramallah dengan ilmu yang telah engkau ketahui supaya terbukalah bagimu hijab ilmu-ilmu yang belum engkau ketahui.

Wahai anakku yang tercinta !

Selepas hari ini janganlah engkau banyak bertanya kepadaku daripada segala kemusykilan, kecuali hanya dengan lidah hatimu. Dan ini adalah berdasarkan firman Allah Taala :

"وَلَوْ أَنَّهُمْ صَبَرُوْا حَتَّى تَخْرُجَ إِلَيْهِمْ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ"

(Surah Al-Hujurat, ayat 5)

Maksudnya: "Seandainya mereka bersabar menunggu sehingga engkau (Muhammad) keluar menghadapi mereka maka itu adalah sesungguhnya lebih baik bagi mereka".

Dan terimalah nasihat Nabi Khidir *alaihis-salam* ketika ia berkata (kepada Nabi Musa *alaihis-salam*):

"فَلاَ تَسْئَلْنِي عَنْ شَيْءٍ حَتَّى أُحْدِثَ لَكَ مِنْهُ ذِكْرًا"

(Surah Al-Kahfi, ayat 70)

Maksudnya: "Maka janganlah engkau segera bertanya kepadaku tentang sesuatu, sehinggakan sampai masanya aku akan memberitahu tentang hal itu kepadamu".

Oleh kerana itu janganlah engkau terburu-buru hendak bertanya sebelum sampai masanya. Dan apabila telah tiba masanya ketika itu akan nampaklah segala-galanya bagimu.

Firman Allah taala :

"سَأُورِيْكُمْ ءَايتِيْ فَلاَ تَسْتَعْجِلُوْنِ".

(Surah al-Anbiya, ayat 27)

Maksudnya: "Selagi akan Aku perlihatkan akan kamu akan tanda-tanda kebesaranKu, maka jangan kamu terburu-buru mendesak Aku".

Maka jangan engkau bertanya sebelum tiba masanya dan yakinlah bahawasanya engkau tidak akan sampai ke penghujung jalan kecuali apabila engkau terus berjalan kerana firman Allah taala :

"أَوَلَمْ يَسِيْرُوْا فِى الأَرْضِ فَيَنْظُرُوْا"

(Surah Faathir, ayat 44)

Maksudnya: "Apakah mereka tidak mau berjalan di atas muka bumi ini lalu mereka dapat melihat (segala sesuatu untuk menjadi i`tibar)".

Wahai anakku yang tercinta !

Demi Allah, seandainya engkau terus berjalan, engkau akan melihat perkara-perkara yang sangat ajaib pada setiap tempat. Dan korbankanlah jiwamu untuk sampai kesana kerana segala kejayaan ialah pengorbanan jiwaraga seperti perkataan Dzunnun Al-Misri (wafat 245H) *rahimahullahu taala* bagi salah seorang muridnya: "Jikalau engkau bersedia untuk berkorban dengan jiwaragamu maka teruskanlah perjalananmu. Jikalau tidak, maka tidak perlu engkau mengikuti lorong-lorong ahli sufi".

Nasihat Keduapuluh Tiga

TINGGALKAN EMPAT PERKARA

Wahai anakku yang tercinta !

Sekarang aku akan menasihati engkau dengan nasihat yang terakhir iaitu dengan lapan perkara. Maka terimalah nasihatku ini supaya ilmu yang ada pada dirimu itu tidak menjadi hujjah (dalil) untuk kemudharatan engkau pada hari kiamat nanti.

Lapan perkara ini terbahagi kepada dua: Empat perkara mesti engkau tinggalkan. Dan empat perkara lagi mesti engkau laksanakan.

Adapun empat perkara yang mesti engkau tinggalkan maka iaitu :

Perkara Pertama :
Janganlah engkau bertengkar dengan seseorang pada apa jua masalah kerana pertengkaran itu mengandungi bermacam-macam penyakit. Dosanya jauh lebih besar daripada faedahnya kerana pertengkaran itu sebab segala perangai yang jahat seperti riyak, hasad, takabbur, dengki, permusuhan dan merasa bangga dengan kemampuan diri sendiri dan yang lain-lain lagi. Yah, jikalau engkau pada suatu hari terseret kepada pertengkaran antara engkau dengan orang lain atau dengan sekumpulan orang dan

adalah niat yang ada di hatimu untuk menzhahirkan kebenaran supaya kebenaran itu tidak hilang maka bolehlah engkau berbuat demikian, tetapi kalau benar niat di hatimu itu untuk menzhahirkan kebenaran maka di sana ada dua tanda:

1 . Bahawa engkau tidak membedakan sama ada kebenaran itu nanti tersingkap melalui lidahmu atau lidah orang lain daripadamu.

2 . Bahawa perbahasan itu lebih disukai seandainya dilaksanakan di tempat yang tertutup daripada di tempat yang dihadiri oleh orang banyak.

Dan dalam hal ini ada satu faedah yang perlu aku mengingatkannya akan engkau, iaitu :

Ketahuilah bahawasanya menimbulkan suatu kemusykilan pada suatu masalah itu sama halnya dengan menunjukkan penyakit hati kepada seorang doktor, dan jawapan yang diberikan kepada kemusykilan tersebut sama pula halnya dengan usaha yang dibuat untuk merawat penyakit hati itu.

Dan ketahuilah bahawasanya orang yang jahil itu ialah orang yang sakit hatinya dan para ulama adalah sebagai doktor yang pandai mengubatinya. Dan orang yang alim tetapi belum sempurna ilmunya atau doktor yang bukan pakar maka ia tidak layak melaksanakan perubatan. Bahkah seorang yang alim yang telah sempurna ilmunya (atau seorang doktor yang pakar) belum tentu ia mau mengubati semua orang yang sakit. Mereka hanya mengubati orang sakit yang diharapkan boleh sembuh atau dapat diubati. Jika seandainya penyakit itu sangat kronik sekali (sangat susah untuk diubati) atau memang sudah tidak ada jalan untuk diubati, maka kepandaian seorang doktor itu bahawa ia

berkata: "Orang ini sudah tidak dapat diubati lagi, maka doktor pun sudah tidak mau menyia-nyiakan waktu untuk mengubatinya kerana mengubati orang sakit yang seperti itu hanyalah membuang-buang masa sahaja.

Kemudian ketahuilah pula bahawasanya penyakit jahil (bodoh) itu terbahagi kepada empat perkara. Dan hanya satu perkara sahaja yang dapat diubati, dan tiga lagi sudah tidak dapat diubati.

Adapun tiga penyakit jahil yang tidak dapat diubati itu ialah:

Pertama: Orang jahil yang bertanya dan menimbulkan masalah kerana didorong oleh sifat hasad dengki ataupun marah. Orang yang seperti ini jikalau engkau berikan kepadanya jawapan yang paling baik dan yang paling fasih dan yang paling nyata maka sebenarnya jawapan itu hanya menimbulkan kemarahan dan permusuhan serta kedengkiannya sahaja maka yang paling baik orang yang seperti ini bahawa engkau tidak perlu menjawab pertanyaannya, bukankah telah disebutkan dalam sebuah syair :

كُلُّ الْعَدَاوَةِ قَدْ تُرْجَى إِزَالَتُهَا   إِلاَّ عَدَاوَةَ مَنْ عَادَاكَ عَنْ حَسَدِ

Ertinya: "Segala permusuhan itu adalah diharapkan akan hilangnya kecuali permusuhan yang ditimbulkan daripada orang yang hasad akan engkau".

Maka seyogianya bahawa engkau berpaling daripadanya dan tidak perlu membuat jawapan pada pertanyaannya dan

engkau biarkan dia dengan penyakitnya. Allah taala telah berfirman :

"فَأَعْرِضْ عَنْ مَنْ تَوَلَّى عَنْ ذِكْرِنَا وَلَمْ يُرِدْ إِلاَّ الْحَيٰوةَ الدُّنْيَا"

(Surah A-Najm, ayat 29)

Maksudnya: "Maka berpalinglah engkau daripada mereka yang telah memalingkan mukanya daripada mengingati kami dan dia sebenarnya tidak menghendaki kecuali hanya kesenangan hidup dalam dunia ini".

Dan orang yang hasad itu pula pada setiap perkataannya dan perbuatannya selalu menyalakan api yang menghanguskan pahala amalannya kerana sifat hasad itu memakan ia akan pahala segala kebaikannya seperti halnya api memakan ia akan kayu bakar.

Kedua: Bahawa adalah kejahilan itu berasal daripada kedunguannya (*hamaqah*). Sifat dungu ini juga tidak dapat diubati, seperti perkataan Nabi Isa *alaihis-salam*: "Aku tidak lemah daripada menghidupkan orang yang telah mati, tetapi aku tidak akan berjaya mengubati orang yang dungu".

Contoh pertanyaan orang yang dungu ini seperti ada seorang yang baru sahaja menuntut ilmu. Ia baru sedikit belajar ilmu akal dan ilmu syara`, lalu ia bertanya dan mengi`tiradh (mengkomplen) terhadap seorang alim yang dalam ilmunya yang telah lama menghabiskan umurnya dalam mencari ilmu-ilmu akal dan ilmu-ilmu syara`. Si dungu ini sebenarnya tidak mengetahui (huraian masalah) dan ia menyangka bahawa masalah yang musykil (sulit) baginya itu, juga musykil terhadap si alim yang dalam ilmunya tadi. Jadi apabila si dungu ini belum sampai ilmunya seperti kadar ilmu si alim itu maka pertanyaannya itu adalah dikira

daripada kedunguannya, maka soalannya tidak perlu dijawab.

Ketiga: Bahawa orang yang bertanya itu memang menghendaki petunjuk dan hidayah, tetapi apa yang ditanyakannya tentang perkataan ulama ahli sufi yang besar-besar itu adalah timbul daripada kedangkalan kefahamannya. Orang yang seperti ini walaupun ia memang benar-benar mau bertanya tetapi ia masih jahil dan belum layak untuk memahami perkara-perkara yang dalam-dalam. Maka soalan yang seperti ini juga tidak perlu dijawab kerana Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam* bersabda :

"نَحْنُ مَعَاشِرَ الْأَنْبِيَاءِ أُمِرْنَا أَنْ نُكَلِّمَ النَّاسَ عَلَى قَدْرِ عُقُوْلِهِمْ"

Ertinya: "Kami para nabi-nabi disuruh mempercakapi sekalian manusia mengikut kadar akal mereka".

Keempat: Adapun kejahilan yang dapat diubati itu ialah kejahilan yang ada pada seseorang yang benar-benar mencari petunjuk dan ia mempunyai akal yang baik dan cepat memahami sesuatu masalah. Ia bukan dipengaruhi oleh sifat hasad, marah, cinta akan kedudukkan dan harta benda. Dan ia adalah benar-benar seorang yang mencari jalan yang lurus. Dan pertanyaannya bukan berasaskan kepada hasad dan keras kepala atau semata-mata hanya mau menguji kepintaran orang yang ditanya. Maka orang yang seperti inilah yang dapat menerima perbaikan maka soalannya harus dijawab bahkah wajib ke atas engkau menjawab soalannya itu.

Perkara Kedua :
Hendaklah engkau merasa takut bila menjadi seorang yang suka memberi nasihat atau memperingatkan orang lain kerana pekerjaan ini banyak mengandungi penyakit, kecuali bila engkau sudah dapat mengamalkan dengan apa yang engkau katakan maka tidak mengapa engkau menasihati orang lain dan hendaklah engkau fikirkan pada apa yang pernah dikatakan kepada Nabi Isa *alaihis-salam*:

"يَا ابْنَ مَرْيَمَ عِظْ نَفْسَكَ، فَإِنِ اتَّعَظْتَ فَعِظِ النَّاسَ. وَإِلاَّ فَاسْتَحِ مِنْ رَبِّكَ".

Ertinya: "Wahai anak Maryam! Nasihatilah dirimu sendiri. Dan apabila engkau telah mengamalkan dengan isi nasihatmu barulah engkau layak memberi nasihat kepada orang lain. Jikalau tidak, maka hendaklah engkau malu terhadap Tuhanmu".

Tetapi apabila keadaan memaksakan engkau menjadi penasihat maka hendaklah engkau menjauhkan dirimu daripada dua perkara :

A . Jangan engkau suka menggunakan bahasa yang payah-payah dalam perkataanmu seperti engkau suka menggunakan perkataan dan isyarat ahli-ahli sufi dan bahasa-bahasa mereka yang indah-indah, kerana Allah taala itu benci pada orang yang memaksakan dirinya.

Orang yang suka memaksa dirinya itu selalunya ia melampaui batas. Di mana hal ini menunjukkan atas batin yang rusak dan hati yang lupa.

Dan makna "Tazkir" (memberi tazkirah/peringatan) itu ialah mengingati oleh seseorang hamba akan seksaan di akhirat dan ia melihat pula pada kekurangan yang ada pada dirinya pada perhambaannya terhadap Tuhannya dan ia memikirkan pada umur yang telah dilaluinya yang telah banyak terbuang tanpa faedah dan ia memikirkan pula pada masa depannya yang penuh dengan rintangan yang mesti dilaluinya dan ia merasa takut dengan keselamatan iman yang ada dalam dirinya, apakah ia mampu terus dalam keadaan kuat sehingga ke akhir hayatnya dan ia juga sangat khawatir dengan keadaan yang akan dilaluinya di saat kematiannya nanti dan betapa pula ia menghadapi Malakul-maut yang akan mencabut nyawanya dan apakah ia akan mampu menjawab pertanyaan yang akan dikemukakan oleh malaikat Munkar dan Nakir di dalam kubur nanti. Begitu pula ia akan merasa sedih dengan keadaannya yang belum menentu lagi di akhirat nanti dan bagaimana keadaannya ketika berdiri di hadapan Allah taala, dan apakah ia akan selamat ketika ia akan menyeberangi titian Shiratal Mustaqim, ataukah ia akan jatuh ke dalam api neraka. Begitulah pemikiran yang selalu wujud dalam hatinya dan dalam keadaan yang berterusan, lalu pemikiran ini akan menggelisahkannya dan menggoncang jiwanya. Maka kegelisahannya memikirkan keadaan yang seperti ini dan pukulannya yang datang bertubi-tubi dinamakan "Tazkir" (memberi tazkirah / peringatan).

Dan memberitahu hal yang seperti ini kepada orang ramai dan menunjukkan mereka untuk memikirkannya dan menarik perhatian mereka ke atas kelemahan mereka dan menyadarkan mereka terhadap keaiban yang ada pada diri mereka, maka kepanasan aliran pemikiran itu dapat menyentuh hati mereka dan menggoncangkan kelalaian mereka lalu mereka menyesali diri dan berusaha menyempurnakan segala kelemahan pada umur yang telah

mereka lalui sekadar kemampuan yang ada pada mereka dan mereka menyesali terhadap hari-hari yang telah berlalu yang tidak dapat diisi dengan ketaatan kepada Allah taala. Maka pekerjaan seperti ini dan dengan cara yang kita terangkan tadi dinamakan "nasihat".

Sama halnya dengan cara engkau memberitahu keadaan banjir yang sedang melanda rumah seseorang, sedangkan penghuni dan seluruh keluarganya masih berada di dalam rumah itu, maka engkau hanya mengatakan: Bahaya! Bahaya! Cepat keluar! Larilah daripada banjir!. Apakah dalam keadaan begini kamu masih perlu memberi tahu penghuni rumah itu dengan bahasa yang sulit-sulit dan kalimah-kalimah yang susah ataupun dengan isyarat-isyarat yang sukar difaham. Sudah tentu engkau tidak mau berbuat kemudian. Maka samalah halnya dengan seorang yang memberi nasihat itu. Hendaklah ia menjauhi daripada bahasa-bahasa yang sulit-sulit dan kalimah-kalimah yang susah dan isyarat-isyarat yang sukar difaham.

B . Janganlah hendaknya cita-citamu di dalam memberi nasihat itu supaya mahkluk banyak berhimpun di dalam majlismu atau supaya mereka menunjukkan perasaan yang sangat kagum dengan kepintaranmu dalam berceramah dan mungkin mereka akan mencarik-carik pakaian (dengan tidak sedar kerana terlampau asyik), lalu nanti ada orang yang berkata: "Aduhai bagusnya majlis ini". Jikalau hatimu berniat demikian maka ini merupakan kecenderungan bagi dunia dan bersumberkan daripada kelalaian hatimu. Bahkah hendaklah niatmu dan segala usahamu hanyalah mengajak manusia lari daripada dunia menuju ke negeri akhirat dan mengajak mereka mengerjakan ketaatan dan meninggalkan maksiat dan mengajak mereka menghilangkan sifat tamak terhadap dunia dan mengajak mereka menuju ke arah kezuhudan dan meninggalkan sifat bakhil dan menghiasi diri

dengan sifat kemurahan dan mengajak mereka menjadi orang yang waspada terhadap tipuan dunia dan sentiasa melazimi ketaqwaan.

Sepatutnya engkau dalam memberi nasihat itu hendaklah menggemarkan mereka kepada akhirat dan membencikan mereka akan dunia, dan engkau ajarkan kepada mereka ilmu-ilmu untuk mereka dapat beribadah kepada Allah taala dengan sempurna dan engkau tunjukkan kepada mereka jalan kezuhudan kerana yang ghalib atau yang menjadi kebiasaan bagi mereka ialah suka menjauhkan diri daripada landasan syara` dan mengerjakan perkara-perkara yang tidak diredhai oleh Allah taala dan melibatkan diri dengan akhlak yang hina. Maka hendaklah engkau tanamkan ke dalam hati mereka akan rasa takut dan kekhawatiran dan nyatakan kepada mereka bahaya yang akan mereka hadapi. Barangkali dengan cara yang demikian itu hati mereka akan berubah dan cara hidup mereka akan bertukar kepada keadaan yang lebih baik dan lahirlah di kalangan mereka kegemaran yang sungguh-sungguh terhadap ketaatan dan meninggalkan segala bentuk kemaksiatan.

Maka inilah cara nasihat yang sebenarnya. Dan apa jua nasihat yang tidak mempunyai ciri-ciri yang seperti ini maka ia merupakan satu bala bagi orang yang berkata dan bala bagi orang yang mendengarnya, bahkan ia merupakan lembaga dan syaitan yang akan membelokkan mahkluk daripada jalan yang benar dan akan membawa mereka kepada jurang kebinasaan. Maka wajiblah ke atas orang ramai bahawa mereka lari daripadanya kerana apa yang dirusakkan oleh orang ini dalam urusan agama mereka adalah lebih banyak daripada apa yang dapat dilakukan oleh syaitan. Dan barang siapa ada kekuasaan maka wajiblah ia menurunkannya daripada atas minbar dan wajib

menahannya daripada meneruskan nasihatnya, kerana ini termasuk dalam ketegori amar-ma`ruf dan nahil-munkar.

Perkara Ketiga :

Bahawa jangan engkau bergaul dengan gabenor - gabenor atau raja-raja (yang zalim) dan jangan engkau melihat mereka kerana melihat mereka dan duduk dalam majlis bersama-sama mereka dan bergaul dengan meréka merupakan satu penyakit yang sangat besar. Seandainya engkau terpaksa berbuat demikian maka jangan engkau sekali-sekali memuji atau menyanjung mereka, kerana Allah taala benci apabila orang yang fasik atau orang yang zalim itu dipuji. Dan siapa yang mendoakan panjang umur bagi mereka bermakna ia telah suka bahawa berkelanjutan dikerjakan maksiat di atas bumi ini.

Perkara Keempat :

Bahawa jangan engkau sekali-sekali menerima apa-apa pemberian daripada gabenor- gabenor atau raja-raja (yang zalim) itu, dan begitu pula jangan engkau menerima hadiah mereka walaupun engkau mengetahui bahawasanya pemberian atau hadiah itu adalah daripada sumber yang halal, kerana tamakmu kepada pemberian mereka itu merusakkan agamamu dan sudah pasti akan lahir di dalam dirimu sifat kepura-puraan dan terpaksa menghormati mereka dan juga menyetujui atas kezaliman mereka. Semuanya ini merupakan perkara yang sangat merusakkan agama dan sekurang-kurang mudharat yang akan terkena kepada engkau bila engkau telah menerima pemberian mereka atau telah mengambil manfaat daripada dunia mereka ialah bahawa engkau mencintai mereka.

Maka siapa yang mencintai seseorang sudah pasti ia suka akan panjang umurnya dan kekal kuasanya. Dan di dalam engkau mencintai kekal kuasa si zalim ini bermakna engkau menghendaki kerusakkan dan kezaliman itu terus berkepanjangan di atas muka bumi ini terhadap makhluk-makhluk Allah taala dan juga bermakna engkau menghendaki kerusakkan di dalam dunia ini. Maka adakah ada lagi di sana suatu perkara yang lebih merusak agamamu selain daripada perkara ini.

Dan janganlah engkau tertipu, dan sekali lagi janganlah engkau tertipu dengan godaan syaitan atau dengan perkataan sebahagian orang yang mengatakan: bahawa yang lebih baik dan yang lebih utama engkau ambil sahaja uang dinar dan dirham daripada mereka lalu engkau bahagi-bahagikan uang itu di kalangan fakir dan miskin. Kalau tidak, maka mereka nantinya akan membelanjakan uang tersebut untuk berbuat kefasiqan dan kemaksiatan. Maka lebih baik ambil sahaja uang itu lalu engkau sedekahkan atau engkau bahagikan kepada orang-orang yang lemah".

Maka jangan engkau tertipu dengan perkataan yang seperti ini kerana sebenarnya syaitan telah menjerumuskan banyak orang dengan tipudaya ini. Dan hal ini telah kami terangkan dengan panjang lebar di dalam kitab Ihya ulumiddin. Dan hendaklah engkau merujuk kesana [6].

---

[6] Sila rujuk masalah ini dalam bab Halal dan Haram, kitab Ihya Ulumiddin juzuk 2.

Nasihat Keduapuluh Empat

KERJAKAN EMPAT PERKARA

Adapun empat perkara yang perlu engkau kerjakan itu ialah:

Perkara Pertama :
Bahawa hendaklah engkau mengukur pergaulanmu dengan Tuhanmu sekira-kira jikalau hambamu bergaul kepadamu seperti pergaulanmu dengan Tuhanmu maka engkau akan merasa puas hati dengan kelakuan hambamu itu dan engkau tidak merasa marah kepadanya. Jadi apa yang engkau tidak suka bagi dirimu daripada perbuatan hambamu yang *majazy*[7]. (pinjaman) maka janganlah engkau melakukannya terhadap Tuhanmu kerana Tuhanmu adalah tuanmu yang sebenarnya dan engkau benar-benar sebagai hamba-Nya.

Perkara Kedua :
Segala perkara yang hendak engkau lakukan bagi orang lain hendaklah engkau mengukurnya bagi dirimu dahulu. Jadi apa yang engkau suka orang lain lakukan terhadap dirimu maka buatlah perkara yang seperti itu terhadap orang lain kerana iman seseorang hamba tidak akan sempurna sehingga ia mencintai bagi seluruh manusia apa-apa yang ia mencintai bagi dirinya sendiri.

---

[7] Hambamu yang Majazi: ertinya hambamu yang dipakaikan dalam bahasa sahaja, padahal dia sebenarnya bukan hambamu. Dia adalah makhluk Allah taala dan hamba Allah taala.

Perkara Ketiga :

Apabila engkau belajar satu ilmu atau engkau memuthalaahnya maka seyogianya bahawa ilmu yang engkau pelajari itu akan memperbaiki hatimu dan membersihkan jiwamu. Seperti halnya jikalau engkau mengetahui bahawa umurmu hanya tinggal satu minggu sahaja lagi, maka sudah pasti engkau tidak akan sibuk dengan ilmu feqah (yang dalam-dalam) dan ilmu khilaf (di antara mazhab) dan ilmu-ilmu Ushul dan ilmul-kalam dan seumpamanya kerana engkau tahu segala ilmu-ilmu yang aku sebutkan tadi tidak memberi faedah kepadamu.

Dalam keadaan ini sudah tentu engkau hanya akan sibuk dengan *muraqabah* hatimu[8], mempelajari sifat-sifat kejernihan jiwamu dan berpaling daripada urusan keduniaan dan engkau akan sibuk pula mengisi hatimu dengan cinta akan Allah taala dan beribadah kepadaNya dan memakaikan diri dengan sifat-sifat yang baik.

Wahai anakku yang tercinta !

Dengarlah nasihatku ini baik-baik dan fikirkanlah isinya, semoga engkau kelak mendapat keselamatan.

Cobalah engkau fikirkan, seandainya engkau telah diberitahu bahawa seorang Raja satu minggu lagi akan memilih engkau sebagai menteri, maka apakah kira-kira yang akan engkau buat selama satu minggu ini? Maka dalam masa satu minggu ini sudah pasti engkau tidak akan mengerjakan suatu kecuali perkara yang engkau sangkakan bahawa Raja itu akan melihat dan memperhatikannya, sama

---

[8] Muraqabah hati bermakna sentiasa memperhatikan keadaannya dan menghilangkan segala perkara yang cuba merusaknya.

ada pakaianmu, tubuh badanmu, rumahmu, hamparanmu dan seumpamanya.

Maka sekarang cuba engkau fikirkan baik-baik apa yang telah aku katakan tadi kerana engkau adalah seorang yang cepat faham. Dan perkataan yang sedikit sudah mencukupi bagi orang yang bijak. Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam* ada bersabda :

"إِنَّ اللهَ لاَ يَنْظُرُ إِلَى صُوَرِكُمْ وَلاَ إِلَى أَعْمَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوْبِكُمْ وَنِيَّاتِكُمْ".

Ertinya: "Sesungguhnya Allah taala tidak memandang kepada rupa tubuhmu dan bukan pula kepada amalanmu, tetapi Ia memandang kepada hati dan niatmu " .

Dan jika engkau mau memperdalami hal-hal yang berkenaan dengan hati maka hendaklah engkau merujuk kepada kitab Ihya Ulumiddin dan yang lainnya daripada kitab-kitab karanganku.

Ilmu ini (ilmu kebersihan hati) adalah termasuk ilmu yang fardhu `ain dan yang lain daripadanya adalah fardhu kifayah kecuali sekadar engkau belajar hukum-hukum yang berkenaan dengan kesempurnaan mengerjakan kefardhuan yang diwajibkan. Mudah-mudahan Allah taala memberi taufiq kepadamu sehingga engkau menghasilkan ilmu-ilmu ini.

Perkara Keempat :
Bahawa engkau jangan menghimpunkan harta dunia lebih banyak daripada cukup makan setahun seperti apa yang

pernah dibuat oleh Rasulullah *shallallahu `alaihi wasallam* bagi sebahagian daripada istri-istrinya dan beliau bersabda:

"اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ قُوْتَ آلِ مُحَمَّدٍ كَفَافًا"

Ertinya: "Ya Allah! Jadikanlah makanan keluarga Muhammad ini hanya secukupnya sahaja".

Dan Nabi *shallallahu `alaihi wasallam* tidak mempersiapkan makanan cukup setahun ini bagi kesemua istri-istrinya, tetapi hanya bagi mereka yang lemah imannya sahaja. Adapun istrinya yang kuat iman maka Nabi *shallallahu `alaihi wasallam* hanya mempersiapkan baginya makanan untuk sehari setengah sahaja.

Nasihat Keduapuluh Lima

PENUTUP DAN DOA

Wahai anakku yang tercinta !

Sesungguhnya aku telah tuliskan dalam warqah (lembaran kertas) ini apa-apa yang engkau kehendaki maka seyogianya engkau mengamalkan dengan isinya dan jangan engkau lupa daripada mengingati aku dalam doamu yang baik-baik. Adapun doa yang engkau mintakan itu maka carilah lafazhnya di dalam kitab-kitab yang shahih dan bacalah pula doa yang aku tuliskan ini pada sekalian waktumu, khususnya selepas sembahyang fardhu. Doa itu ialah :

اَللّٰهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ مِنَ النِّعْمَةِ تَمَامَهَا، وَمِنَ الْعِصْمَةِ دَوَامَهَا، وَمِنَ الرَّحْمَةِ شُمُوْلَهَا، وَمِنَ الْعَافِيَةِ حُصُوْلَهَا، وَمِنَ الْعَيْشِ أَرْغَدَهُ، وَمِنَ الْعُمْرِ أَسْعَدَهُ، وَمِنَ الْإِحْسَانِ أَتَمَّهُ، وَمِنَ الْإِنْعَامِ أَعَمَّهُ، وَمِنَ الْفَضْلِ أَعْذَبَهُ، وَمِنَ اللُّطْفِ أَقْرَبَهُ. اَللّٰهُمَّ كُنْ لَنَا وَلاَ تَكُنْ عَلَيْنَا.

Ya Allah, aku memohon akan engkau daripada ni`mat itu yang paling sempurna, dan daripada pemeliharaan itu yang paling kekal, dan daripada rahmat itu yang paling menyeluruh, dan daripada `afiat itu yang paling berhasil, dan daripada kehidupan itu yang paling senang, dan daripada umur itu yang paling bahagia, dan daripada ihsanMu itu yang paling sempurna, dan daripada ni`matMu

itu yang paling menyeluruh, dan daripada kelebihanMu itu yang paling sedap, dan daripada lemah-lembutMu itu yang paling dekat. Ya Allah! Jadilah Engkau sentiasa pembela kami, bukan penghukum ke atas kami.

اَللّٰهُمَّ اخْتِمْ بِالسَّعَادَةِ آجَالَنَا، وَحَقِّقْ بِالزِّيَادَةِ آمَالَنَا، وَاقْرِنْ بِالْعَافِيَةِ غُدُوَّنَا وَآصَالَنَا، وَاجْعَلْ إِلَى رَحْمَتِكَ مَصِيْرَنَا وَمَآلَنَا، وَاصْبُبْ سِجَالَ عَفْوِكَ عَلَى ذُنُوْبِنَا، وَمُنَّ عَلَيْنَا بِإِصْلاَحِ عُيُوْبِنَا، وَاجْعَلِ التَّقْوَى زَادَنَا، وَفِيْ دِيْنِكَ اجْتِهَادَنَا، وَعَلَيْكَ تَوَكُّلَنَا وَاعْتِمَادَنَا.

Ya Allah! Habiskanlah ajal kami dengan kebahagiaan, dan berikanlah kepada kami yang lebih baik daripada apa yang kami harapkan, dan iringkanlah pagi dan sore kami dengan keafiatan, dan jadikanlah kesudahan kami dan kemuncak cita-cita kami untuk mendapatkan rahmatMu, dan tuangkanlah hujan yang lebat daripada kemaafanMu ke atas dosa-dosa kami, dan sentiasalah Engkau memberi ni`mat kepada kami dengan memperbaiki segala keaiban kami, dan jadikanlah takwa itu sebagai bekalan kami, dan jadikan pula kesungguhan kami di dalam memperjuangan agamaMu, dan jadikanlah tawakkal dan pegangan kami hanya dengan Engkau.

اَللّٰهُمَّ ثَبِّتْنَا عَلَى نَهْجِ الْإِسْتِقَامَةِ، وَأَعِذْنَا فِي الدُّنْيَا مِنْ مُوْجِبَاتِ النَّدَامَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَخَفِّفْ عَنَّا ثِقَلَ الْأَوْزَارِ، وَارْزُقْنَا عِيْشَةَ الْأَبْرَارِ، وَاكْفِنَا وَاصْرِفْ عَنَّا شَرَّ الْأَشْرَارِ، وَاعْتِقْ رِقَابَنَا وَرِقَابَ

آبَائِنَا وَأُمَّهَاتِنَا وَإِخْوَانِنَا وَأَخَوَاتِنَا مِنَ النَّارِ، بِرَحْمَتِكَ يَا عَزِيْزُ يَا غَفَّارُ يَا كَرِيْمُ يَا سَتَّارُ يَا عَلِيْمُ يَا جَبَّارُ، يا الله يا الله يا الله بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ، وَيَا أَوَّلَ الْأَوَّلِيْنَ، وَيَا آخِرَ الْآخِرِيْنَ، وَيَا ذَا الْقُوَّةِ الْمَتِيْنِ، وَيَا رَاحِمَ الْمَسَاكِيْنِ، وَيَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ. لاَ إِلٰهَ إِلاَّ أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِيْنَ.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Ya Allah! Tetapkanlah kami berada di atas jalan Istiqamah, dan lindungilah kami di dunia ini daripada mengerjakan perkara-perkara yang mengakibatkan penyesalan kami di hari kiamat nanti, dan ringankanlah bebanan dosa-dosa kami, dan karuniakan kepada kami kehidupan hamba-hambaMu yang baik-baik, dan jauhkan daripada kami segala kejahatan orang-orang yang jahat, dan lepaskanlah leher kami dan leher ibu bapa kami dan seluruh saudara kami yang laki-laki dan yang perempuan daripada belenggu api neraka. Semuanya itu dengan berkat rahmatMu, Wahai Tuhan yang Maha mulia dan Maha mengampuni dan Maha pemurah lagi menutupi keaiban kami. Wahai Tuhan yang Maha mengetahui dan Maha Perkasa, Ya Allah, Ya Allah, Ya Allah, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang lebih pengasih daripada segala yang pengasih, wahai Tuhan yang dahulu daripada segala yang terdahulu, wahai Tuhan yang kemudian daripada segala yang kemudian, wahai Tuhan yang mempunyai kekuatan yang sangat kokoh, wahai Tuhan yang sangat mengasihi orang-orang miskin dan Tuhan yang terlebih kasih sayang daripada segala orang yang kasih sayang. Tidak ada Tuhan yang layak disembah selain

Engkau, Maha suci Engkau. Sesungguhnya aku ini termasuk di kalangan orang yang menzhalimi dirinya sendiri.

Semoga rahmat Allah taala dan kesejahteraanNya sentiasa tercurah untuk penghulu kami Nabi Muhammad dan untuk sekalian keluarganya dan para sahabatnya. Dan segala puji tertentu bagi Allah Tuhan sekalian alam.

!!*

Telah selesai menterjemahkan kitab "Ayuhal Walad" (Wahai Anakku Yang Tercinta) ini pada hari Senin 29 Jumadil Akhir 1417H, bersamaan dengan 11 Nopember 1996M di Jamak Masjid (Mesjid Jami`) Delhi, India.

وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

RIWAYAT HIDUP
IMAM AL-GHAZALI *RADHIYALLAHU `ANHU*
(450-505H – 1058-1111M)

Imam Al-Ghazali *radhiyallahu `anhu* adalah di antara tokoh pemikir Islam yang ulung dan telah mendapatkan gelaran di kalangan kaum Muslimin sebagai "Hujjatul Islam". Beliau bukan hanya terkenal di kalangan kaum Muslimin bahkan juga di kalangan orang yang bukan beragama Islam. Ilmunya sangat luas, pengalamannya dan keahliannya di bidang ilmu tasawuf dan pembentukan rohani sudah menjadi ciri-ciri keunggulan beliau. Sementara kitab "Ihya Ulumiddin" yang beliau tulis telah diakui kehebatan dan keagungannya oleh kawan dan lawan.

Nama beliau ialah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad Abu Hamid Al-Ghazali Al-Thosi. Beliau dilahirkan di kampung "Ghazalah" di kawasan "Thos" sebuah kota yang ada di utara Iran. Beliau dilahirkan dari kalangan keluarga yang miskin tetapi sangat kuat beragama. Oleh karena orang tuanya meninggal dunia ketika Imam Ghazali masih kecil, maka kesusahan dan getir pahit yang beliau alami di dalam usaha mencari ilmu di waktu kecil sangat banyak memberi makna kepada kehidupan beliau di masa tua.

Pada mulanya Imam Ghazali *radhiyallahu `anhu* belajar di kampungnya dengan seorang ulama yang bernama Syekh Ahmad Ar-Razakani. Kemudian beliau melanjutkan perjalanan ke Jurjan dan berguru kepada Syekh Abu Nasr Al-Ismaili. Setelah itu beliau melanjutkan pelajarannya ke

Naisabur dan memberi penumpuan mengambil pelajaran daripada Imam Al-Haramain Al-Juwaini. Oleh karena kesungguhan dan kepandaiannya, maka gurunya, yaitu Imam Al-Haramain telah menggelarkannya sebagai "Bahrun Mughdiq" Artinya, lautan luas yang tidak bertepi.

Apabila Imam Al-Haramain meninggal dunia pada tahun 478H. Imam Ghazali *rahimahullahu ta`ala* pergi ke Muaskar dan bertemu dengan Al-Wazir (menteri) Nizam Al-mulk yang sangat banyak menaruh minat terhadap ilmu dan para ulama. Setelah Al-Wazir Nizam Al Mulk mengetahui akan kehebatan Imam Ghazali *rahimahullahu ta`ala* beliau terus saja melantiknya sebagai mahaguru di Madrasah An-Nizhamiyah di Baghdad, sedangkan Imam Ghazali pada masa itu baru mencapai usia 34 tahun. Satu kedudukan yang paling tinggi dalam dunia Islam yang belum pernah disandang oleh seorang ulama yang masih muda seperti Imam Ghazali pada waktu itu. Dan teruslah beliau menjadi mahaguru di Madrasah ini dan dari masa ke masa kedudukan beliau bertambah kuat dan pengaruhnya bertambah luas sehingga penghormatan yang diberikan kepada beliau melebihi penghormatan yang diberikan kepada pihak atasan dan penguasa. Beliau mengajar di madrasah ini lebih kurang sepuluh tahun.

Setelah itu timbul di hati Imam Ghazali *rahimahullahu ta`ala* satu keinginan yang sangat mendesak untuk meninggalkan kedudukan yang tinggi itu, sehingga akhirnya beliau mengambil keputusan untuk ber`uzlah dan memberikan perhatian kepada diri sendiri. Maka pada tahun 488H. beliau pergi meninggalkan Baghdad dan meninggalkan segala kekayaan, pangkat dan penghormatan. Dan untuk seterusnya beliau melazimkan diri mempelajari ilmu tasawuf dan penyucian jiwa. Beliau pada mulanya pergi ke Damascus, negeri Syam (Syria) dan ber`uzlah di

sana lebih kurang dua tahun kemudian beliau pergi menunaikan ibadah haji ke Makkah Al-Mukarramah dan ziarah Madinah Al-Munawwarah dan bandar Quds (Palestina) kemudian beliau kembali ke Syria dan beliau suka ber`uzlah di mesjid Al-Jami` Al-Umawi, Damascus. Dan di sanalah beliau mengarang kitab beliau yang masyhur itu, yaitu Ihya Ulumiddin.[1]

Setelah itu Imam Al Ghazali pulang ke kampung asalnya "Thos" dan tinggal di sana lebih kurang enam tahun. Kemudian pada tahun 499H. beliau diminta oleh Fakhrul Mulk Anak Nizhamul Mulk supaya beliau dapat mengajar di Madrasah Nizhamiyah yang ada di Naisabur. Oleh karena Imam Ghazali *rahimahullahu ta`ala* memandang bahwa beliau bukan hanya diciptakan untuk dirinya sendiri tetapi juga untuk membimbing orang banyak, maka beliau bersedia memenuhi panggilan Fakhrul Mulk untuk mengajar di Madrasah Nizhamiyah Naisabur.

Dan pada tahun 500H. telah terjadi pembunuhan terhadap Fahkrul Mulk dan terjadi kekacauan dalam negeri maka Imam Ghazali *rahimahullahu ta`ala* memilih untuk pulang ke kampung asalnya "Thos" lalu beliau mengasaskan sebuah Madrasah dan Zawiyah (pondok) berhampiran dengan rumah kediamannya. Maka sejak dari itu beliau hanya mengajar di situ dan menghabiskan umurnya dengan mengajar, mengarang dan mendidik murid-murid yang datang mengaji di madrasahnya sehingga beliau dipanggil ke hadhrat Allah taala pada tahun 505H. dan jenazahnya di makamkan di Thabran, Thos.

---

[1] Tempat yang dipilih oleh Imam Al Ghazali itu sampai sekarang ini masyhur dengan sebutan "Zawiyah Ghazaliyah" yaitu di sudut belakang sebelah kanan mesjid tersebut.

Imam Ibnu Al-Jauzi menghikayatkan dari Imam Ahmad (saudara Imam Ghazali *rahimahullahu ta`ala*) yang menceritakan peristiwa kematian Imam Ghazali *rahimahullahu ta`ala*. Berkata Imam Ahmad tersebut: Setelah terbit fajar hari Senin (14 Jumadil Akhir 505H) saudaraku (Imam Ghazali) berwudhu dan terus sembahyang Subuh. Selepas sembahyang Subuh beliau berkata: "Bawa ke sini kain kafanku". Lalu beliau mengambil kain kafan sambil berkata: "Aku telah bersedia untuk datang memenuhi panggilanMu dengan penuh ketaatan dan kepatuhan". Setelah itu beliau menghunjurkan kakinya menghadap qiblat dan terus beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir untuk memenuhi panggilan Tuhannya dengan penuh ketenangan.

Semoga Allah taala mencurahkan kepada beliau akan rahmatNya yang luas dan semoga Allah memberi keberkatan kepada kita dengan ilmu yang beliau tinggalkan.

SANAD KITAB "AYYUHAL-WALAD"

Untuk menambah keberkahan, maka disini disebutkan SANAD (Silsilah Periwayatan) kitab ***Ayyuhal-Walad*** dan lainnya yang merupakan keistemewaan ilmu-ilmu Islam dan ciri utama bagi pengajian tradisional yang mewariskan ilmu secara turun-temurun dan sebagai hubungan rohani dan atau kontak batin dengan pengarang kitab-kitab tersebut. Sanad itu ialah:

Sanad Kitab *Ayyuhal-Walad* dan *Bidayatul-Hidayah* Dan *Minhajul-`Abidin* dan *Ihya `Ulumiddin* Karangan Imam al-Ghazali
rahimahullahu taala

Berkata hamba yang banyak berdosa lagi sangat berkehendak kepada ampunan Tuhannya, Ahmad Fahmi Bin Zamzam, Abu Ali al-Banjari bangsanya, an-Nadwi kelulusannya, al-Maliki gelaran yang dianuge-rahkan olah gurunya, as-Syafi`e mazhabnya, as-Syazili tariqatnya, *hafizhahullahu taala*:

Saya riwayatkan sekalian kitab-kitab karangan Imam al-Ghazali *rahimahullahu taala*:

1- Daripada guru saya al-`Allamah Musnid ad-Dunya Syekh Muhammad Yasiin Bin Isa al-Fadani al-Makki. Beliau mengambil daripada,

2- Syekh Muhammad ma`shum Bin Ahmad al-Laasimi. Beliau mengambil daripada,

3- Syekh Waliyyullah Abi `Imran Muhammad Khalil Bin Abdul Latif al-Bankalani. Beliau mengambil daripada,

4- Syekh yang panjang umurnya, Syekh Nawawi Bin Umar al-Bantani al-Makki. Beliau mengambil daripada,

5- Syekh yang panjang umurnya, Syekh Abdus Samad Bin Abdul Rahman Bin Abdul Jalil al-Falimbani. Beliau mengambil daripada,

6- Sayyid Abdul Rahman Bin Mustafa al-Idrus. Beliau mengambil daripada,

7- Syekh Abdullah Bin Salim al-Bashri dan Syekh Ahmad Bin Muhammad an-Nakhali dan Sayyid Muhammad Bin Abu Bakar as-Syilli dan Sayyid Umar Bin Abdul Rahman Aidid. Keempat-empat mereka mengambil daripada,

8- Syekh Syamsuddin Muhammad bin `Alauddin al-Babili. Beliau mengambil daripada,

9- Syekh Sulaiman Bin Abdud Daaim al-Babili. Beliau mengambil daripada,

10- Syekh Najmuddin Muhammad Bin Ahmad Al-Amin. Beliau mengambil daripada,

11- Syekh Muhammad Bin Ahmad Bin Isa Bin An-Najjar. Beliau mengambil daripada,

12- Syekh Jalaluddin Ibnu Mulaqqin. Beliau mengambil daripada,

13- Syekh Abu Ishak Ibrahim Bin Hamad at-Tanukhi. Beliau mengambil daripada,

14- Syekh Sulaiman Bin Hamzah. Beliau mengambil daripada,

15- Syekh Umar Bin Karam ad-Dinawari. Beliau mengambil daripada,

16- Syekh Abdul Khaliq Bin Ahmad Bin Abdul Qadir Bin Yusuf. Beliau mengambil daripada,

17- Pengarangnya Imam Hujjatul Islam Abu Hamid Muhammad al-Ghazali

Semoga Allah taala merahmati mereka semua dan mengumpulkan kita bersama mereka pada hari kiamat nanti. Amien.

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

والحمد لله رب العالمين

IJAZAH

بسم الله الرحمن الرحيم

Maka dengan sanad tadi saya ijazahkan kitab ***Ayyuhal-Walad*** dan kitab-kitab lainnya kepada sekalian muslimin dan muslimat yang berkehendak kepada ijazahnya.

Yang mengijazahkan:

Ahmad Fahmi Zamzam Al-Banjari An-Nadwi Al-Maliki

Yang menerima ijazah:

....

Tanggal: / / 14 H. / / 20 M

وصلى الله على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

والحمد لله رب العالمين

م